

Siri 476



Kerana
Si-Kuntum



楊貴蓮珍藏
Koleksi Yang Quee Yee

Oleh :
MUHAMMAD KIDIN



YANG QUEE YEE
~~411 HONG TONG AVE~~
~~SINGAPORE 21~~

Penerbit :
SINARAN BROS.
Limited

PENDAHULUAN

Chėrita "Kėrana Si-Kuntum" ini ku-pėrsėmbahkan ka-hari-baan kaum bangsa-ku sa-bagai kėnangan kapada kampong Kėmidak yang pėndudok₂-nya dalam tahun 1943 yang lalu tėlah hilang sėmua sėkali kėrana di-bunoh oleh pėnjahat₂. Mudah₂an ada fa'edah-nya chėrita ini kapada para pėmbacha.

MUHAMMAD KIDIN.

281, Kg. Dato' Kėramat, Kuala Lumpur.
23 June 1959.

Novel₂ chiptaan pėngarang buku ini yang tėlah tėrbit :

1. Bidadari Batu Road.
2. Bėrdosa.
3. Pėrantau dari Pahang.
4. Bunga₂ di-lėmbah Gunong Tahan.
5. Chita₂ yang tėtap mėnyala.

KĒRANA SI-KUNTUM
(Oleh :- Muhammad Kidin.)

Kandongan-nya :

- Bab I : Surat₂ dari 'Azian dan jawapan-nya.
- Bab II : Pěchah pěrang "Asia Timor Raya."
- Bab III : Běrpindah ka-Kěmidak.
- Bab IV : Hujan darah di-Kěmidak.
- Bab V : Karangan bunga antoi.
- Bab VI : Běrkhidmat lagi kapada bahasa dan ugama.
- Bab VII : Kědatangan Pa'Chik Kamal.
- Bab VIII : Hal₂ sa-masa saya běrada di-Bekok.
- Bab IX : Lagi pěristiwa yang měnyědehkan .
(Pěngarang běrchěrita)
- Bab X : Pěnutup.

BAB I


SURAT₂ DARI 'AZIAN DAN JAWAPAN-NYA.

Awal bulan December 1941.

Sa-tělah mēnėrima surat 'Azian yang akhir ini hati-ku sēnėntiasa bėrdėbar₂, lain bėnar bunyi-nya, sa-olah₂ surat-nya itu mēnchuba mēnarek hati kėchil-ku supaya mēnchintai diri-nya ; pada hal kaseh-ku kapada-nya sa-lama ini hanya kaseh saudara sahaja. Bagaimana-kah aku tidak akan mēngasehi diri-nya pada hal aku dan dia tėlaha bėrsama₂ hidup sēmėnjak daripada kėchil lagi, sama₂ bėrsėkolah Mėlayu, sama₂ di-bėsarkan dan di-manjakan oleh ibu dan ayah-nya sėbab memang sa-bėnar-nya ibu dan ayah-ku yang sėjati tėlaha kėmbali kėrahmatullah hu-ta'ala sēmėnjak aku masch kėchil bėnar lagi ; dėngan sėbab itu bėsar-lah aku di-dalam pėliharaan bapa saudara-ku ya'ani adek kapada bapa-ku ia-itu-lah ayah 'Azian.

Jėlas-lah sėkarang saya bėrsaudara sa-pupu dėngan 'Azian. Sėbab tėlaha bėrgaul dari sēmėnjak kėchil, maka kaseh-ku kapada-nya ta'lėbeh ta'kurang hanya sa-bagai kaseh saudara. Saya sėlalu mēnulis surat kapada-nya dan dia pun sėlalu mēnulis surat kapada saya. Tėtapi sa-tėlaha aku mēmbacha surat₂-nya yang akhir kapada-ku, faham-lah aku bahawa di-antara yang tėrsurat itu ada yang tėrsirat yang hanya dapat di-fahamkan oleh orang yang 'arif jua.

Di-antara pėrkara₂ yang sėlalu mēnjadi pėrbinchangan saya dėngan 'Azian di-masa yang akhir₂ ini ia-lah bėrkėnaan diri-nya tėlaha di-chėla oleh kėbanyakan orang₂ Mėlayu kėrana dia bėlajar **di-Convent pada hal Convent** ia-lah sa-buah sėkolah



Surat, dari 'Aku dan jawabannya.

yang di-anjorkan oleh sa-buah badan pëngëmbang ugama **Kristian**. Ramai di-antara orang Mëlayu yang **jijik** mëndëngar nama sëkolah itu dan mënchachi siapa juga yang mënghantar anak-nya bëlajar di-sëkolah itu.

Di-dalam surat, saya yang tërdahulu sëlalu saya mëmberi bërbagai, nasihat dan kata, yang bërsëmangat supaya 'Azian jangan patah hati hëndak mënëruskan pëlajaran-nya; itu-lah puncha-nya yang mënjadikan saya sëlalu sangat bërtulis, surat dëngan-nya, hanya sa-nya sa-tëlah saya mënërima dua puchok surat-nya yang akhir ini baharu-lah saya bërfikir lama sadikit untok mënjawab-nya.

Pada suatu pëtang sa-lëpas saya **sëmbahyang** 'asar përgi-lah saya bërjalan, ka-tëbing sungai Perak, mënnyëdut udara-nya yang nyaman, mëmërhatikan ayer yang tëlaha mula sëbak dan këroh, kata orang ia-lah di-sëbabkan oleh ëmpangan Chëndëroh itu tëlaha di-bukakan sadikit, ayer-nya oleh pehak kërajaan kërana di-takutkan sërangan Jëpun yang tiba, ka-atas Tanah Mëlayu ini, sëbab sa-bënar-nya pada waktu itu Jëpun sëdang bërmaharaja-lela di-sabëlah timor ini dan tëntëra-nya tëlaha pun bërada di-Indochina. Jadi ëmpangan itu di-bukakan ayer-nya supaya jangan mënnyusahkan pehak kërajaan nëgëri ini jika tumbuh jadi sa-suatu hal yang tidak di-ingini.

Sambil aku dudok di-atas sa-buah bangku di-tëpi tëbing sungai Perak itu, mëmmandang gunong, yang jauh di-sakëliling-nya itu, ingin pula rasa-nya hati-ku hëndak mëmbacha lagi surat, 'Azian itu yang sa-memang-nya ada saya bawa bërsama, lalu ku-buka-lah surat-nya itu. Yang përtama-nya ada-lah sapërti ini :

Kapada **kakanda-ku** Kamaruddin Elias.

Pěnuntut Sěkolah 'Arab Bukit Chandan,

Kuala Kangsar.

Děngan kėsějahtěraan-nya.

Kakanda,

Surat kakanda yang paling akhir tělah sělamat adinda těrima, běrđebar₂ rasa **jantong-ku** měmbacha surat kakanda pada kali ini; banyak bėnar ragam bahasa-nya, gubahan-nya elok těrsusun měmbawa fikiran adinda mělayang₂ ka-'alam nyata, měmbėri kěinsafan kapada diri adinda yang tiada bėrbudi ini bahawa sa-siapa jua yang mėlupakan surohan Ilahi hidup-nya ada-lah umpama měngėjar bayang₂.

Těrima kaseh adinda ucapkan kapada kakanda yang tělah měmbėri bėrbagai₂ nasihat yang bėrguna kapada adinda, těrima kaseh atas kěikhlasan hati-mu měnunjokkan kapada adinda akan jalan₂ kěhidupan yang bėnar yang di-ridhai oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Měski pun adinda bėlajar di-sabuah sěkolah yang di-anjorkan oleh sa-buah badan pėngėmbang ugama Kristian tėtapi děngan bėrkat tunjok ajar ayah **bonda-ku** dan nasihat₂ daripada kakanda sa-lama ini, maka rasa-nya hati-ku ini tidak akan mudah hěndak di-pesongkan daripada měnchintai Islam kapada měnchintai ugama lain atau pun měnchintai tamaddun₂ asing.

Alang-kah bėruntong-nya hidup-ku kěrana měmpunyai ayah bonda yang tahu akan kějwajibkan-nya, alang-kah bahagiannya diri-ku kěrana měmpunyai sa-orang abang pėnchinta ugama Islam yang sědang měnuntut di-sabuah sěkolah yang měngguna-kan bahasa pėngantar-nya bahasa 'Arab — bahasa al-Qur'an yang maha suchi; Abang yang sělalu měnunjokkan jalan kěsěmpurnaan bagi diri-ku di-kěmudian hari kėlak.

Kakanda,

Adinda mēnumpang bērbahagia dēngan kēbahagiaan hidup kakanda di-sabuah bandar Di-raja pusat bērbagai, pēndidikan yang baharu, ini tēlah bērtambah pula dēngan bērpindahnya Sultan Idris Training College yang di-Tanjong Malim itu ka-Kuala Kangsar.

Adohai, alang-kah bērtambah₂-nya bahagia adinda kalau mithal-nya diri-ku dapat hidup di-samping-mu, mēngēchap ni-
'mat yang kakanda sēdang 'alami pada masa ini. Bukan-kah sa-tiap pagi dan pētang adinda juga akan dapat mēmandang mēnara Istana Iskandariah tēmpat bērsēmam-nya Yang Maha Mulia Sultan Perak; bukan-kah adinda juga akan dapat mēndēngar suara azan daripada Masjid 'Ubdiyyah yang mēnyēru kapada sakalian kaum Muslimin di-sakēliling-nya supaya mēnunaikan pērentah Tuhan-nya, bukan-kah adinda juga akan dapat mēmandang aliran ayer sungai Perak dan gunung, di-sakēliling-nya kērana mēlepaskan runsing; dan jika sa-kali, datang hari kēlēpasan bukan-kah adinda juga akan dapat pērgi bērkelah ka-Kuala Chērmin tēmpat yang kakanda sēlalu pērgi bērkelah sapērti yang kakanda nyatakan di-dalam surat, kakanda yang tērdahulu itu?

Wahai ingin bēnar rasa-nya hati-ku hēndak mēlawat bandar **Di-raja yang pērmai** itu tētapi apa boleh buat, hati ingin hēndak pērgi kēadaan tidak mēngidzinkan. Pērtama, kērana hari kēlēpasan sēkolah adinda maseh jauh lagi waktu-nya, yang kēdua tidak ada siapa tēman yang hēndak pērgi bērsama, adinda. Sēbab itu adinda harap apabila sampai hari kēlēpasan pērsēkolahan kakanda kēlak, kakanda balek-lah, supaya dapat kita bērtēmu mata; mēlepaskan pērasaan rindu dēndam pērsaudaraan yang sa-lama ini mēngēlubongi hati sanubari adinda.

Sekian-lah dahulu warkah adinda pada kali ini. Mudah-mudahan kakanda tidak akan lupa menjawab-nya supaya boleh memberi hiburan kepada Jiwa Lara yang berada di-Bekok ini.

Yang jauh,

'Azian Kamal.

Surat-nya yang kedua :

Kakanda Kamaruddin Elias,

Telah lama benar adinda menunggu jawapan surat yang telah adinda kirim kepada kakanda tetapi maseh jua belum datang-nya. Apa-kah sebab-nya jadi begitu? Marah-kah kakanda kepada adinda atau memang surat itu tidak sampai kepada kakanda-kah?

Adinda percaya surat itu telah selamat sampai kepada kakanda sebab darjah perkhidmatan pos di-negeri kita ini telah sampai kepada tingkat yang boleh di-katakan penuh berkemajuan. Ya, negeri kita sekarang telah maju; apa yang ada di-negeri lain boleh di-katakan telah ada di-negeri kita. Negeri kita mempunyai perkhidmatan awam yang tinggi darjah-nya jika di-bandingkan dengan kebanyakan negeri Asia yang lain hanya sa-nya darjah perkhidmatan yang tinggi itu belum-lah dapat di-kedap nikmat-nya oleh sa-bahagian ramai rakyat-nya yang diam di-kampung pada hal itu-lah dia orang-nya yang sa-benar-nya patut di-tolong oleh kerajaan negeri ini.

Terlanjur adinda telah menulis di-dalam perkara ini biarkanlah adinda melanjutkan qalam adinda, memperkatakan barang sa-patah dua berkenaan dengan kemajuan bangsa dan tanah ayer di-masa ini. Seperti yang adinda telah kata tadi bahawa negeri kita bertambah maju dari sa-hari ka-sahari tetapi bangsa kita nampak-nya makin mundur ka-belakang.

Redza-kah kita kakanda, mēlihat kēlēmahan yang ada kapada bangsa kita ini kakanda? Tidak-kah kita insaf bahawa pada suatu masa yang akan datang bangsa kita akan tēnggēlam di-nēgara-nya sēndiri?

Pērkarā ini sa-bēnar-nya sēlalu mēnjadi fikiran adinda; di-dalam mēnongan adinda sēlalu adinda bērfikir mēngapa-kah hati adinda mēsti mēngēnangkan hal yang tinggi, — hal bangsa, ugama dan tanah ayer — pada hal ada kēwajipan adinda yang lain ia-itu mēsti mēnamatkan pēlajaran lēbeh dahulu kē-mudian baharu-lah boleh mēmikirkan kēpēntingan yang lain.

Salah-kah kakanda, kalau hati adinda mēnjadi dēmikian? Salah-kah kalau adinda mēnjadi sa-orang pēnhinta bangsa, ugama dan tanah ayer? Kalau kakanda kata tidak salah nēs-chaya puas-lah hati-ku mēnēmpoh hidup yang pēnoh dēngan pancharoba ini. Tērapi jika kakanda kata salah maka salah itu akan adinda pulangkan balek kapada kakanda, sēbab kakanda-lah yang mēmbēri sēmangat yang sa-dēmikian itu kapada adinda, kakanda-lah yang tēlah mēnyēdarkan adinda kēmbali sa-tēlah fikiran adinda hampir, mēlayang di-'alam khayal di-tērbangkan oleh angin barat, kakanda-lah yang tēlah mēnyēdarkan adinda bahawa barat dan timor tētap tidak akan bērsatu sa-bagai kata sa-orang pujangga barat: Barat tētap barat, timor tētap timor.

Mēngapa-kah kakanda mēmpunyai fikiran yang sa-bagitu tinggi darjah-nya, pada hal umor kakanda maseh mēntah jua lagi, mēngapa-kah kakanda sanggup mēnjadi sa-orang pēnasihat yang bijak kapada diri adinda dan tēlah pun mēnyēlamatkan adinda daripada tērlayang, di-dalam 'alam khayal kēluar ka-'alam nyata? Ya! Dēngan nasihat kakanda, adinda sanggup mēngambil apa yang bērfa'edah daripada pēlajaran barat itu akan adinda gunakan untok kēmajuan bangsa kita; dēngan nasihat kakanda jua adinda tētap ta'kan mēnggantikan baju kurong

dan kebaya dengan gaon, ta'kan menggantikan belachan dengan keju, ya dengan nasihat kakanda jua adinda tetap akan menjadi sa-orang pēchinta ugama Islam yang suchi dan menyempurnakan surohan₂ Ilahi.

Pada fikiran adinda sebab-nya kakanda sanggup menjadi penasihat yang baik bagi diri adinda itu ia-lah di-sebabkan chara latehan persēkolahan kakanda. Kakanda bersēkolah di-sabua sēkolah 'Arab, yang di-dalam-nya ada mēngajar bērbagai₂ chawangan 'ilmu dan di-ajar pula oleh guru₂ yang sa-bēnar₂-nya ikhlas hēndak mēmajukan ugama, bangsa dan tanah ayer-nya. Kakanda, yang mustahak sēkali di-dalam tiap₂ suatu pēkerjaan ia-lah ikhlas dan kēikhlasan yang sa-bēnar₂-nya daripada guru₂ kakanda ini-lah yang tēlah mēnyēbabkan kakanda menjadi sa-orang pēmuda yang bērguna kapada bangsa dan nusa.

Kakanda,

Sa-saorang yang **ikhlas tidak mēngira gaji**, tidak mēngira upahan; dia akan bēkerja dengan tiada mēngira pēnat lēlah untuk mēnyēmpurnakan tanggung jawab-nya. Ini-lah pērkara yang patut di-ambil pērhatian oleh pēmimpin₂ bangsa kita pada hari ini; tinjau dan siasat-lah siapa-kah di-antara ra'ayat nēgēri ini yang sangat ikhlas kapada Tanah Mēlayu, siapa-kah di-antara ra'ayat nēgēri ini yang chintakan nēgēri ini dengan suatu chinta yang di-namakan chinta sējati?

Ah, sudah mēlarat pula isi surat adinda ini kakanda, maafkan-lah kalau dengan mēmbacha surat adinda yang panjang ini akan mērugikan masa kakanda yang amat bērharga itu, sebab nampak-nya kakanda pada masa yang akhir₂ ini sudah tērlalu pandai mēgunakan masa, barangkali tēlah mēnurut bētul saperti nasihat pēpatah Inggēris: Waktu itu wang; maka sebab itu-lah kakanda ta'hēndak mēnsia-siakan masa walau pun di-dalam bēbērapa sa'at sahaja untuk mējawab surat dari adinda.

Tĕtapi kakanda, tidak-kah kakanda kasehan kapada diri adinda yang sĕdang tĕrtunggu, akan jawapan surat dari-mu, tidak-kah kakanda kasehan bahawa 'Azian sĕdang tĕrnanti, hĕndak mĕmbacha surat-mu yang sĕlalu-nya pĕnoh dĕngan intan baiduri untok panduan hidup-ku, wahai kakanda churahkan-lah ayer mĕstika ĕmbun yang ada di-dalam hati suchi kakanda itu barang sa-tĕgok dua bagi mĕnghilangkan dahaga hidup-ku mĕnĕmpoh zaman yang pĕnoh pancharoba ini.

Kakanda, jawab-lah surat-ku kakanda, mana tahu kalau, tĕrjadi sa-suatu hal besok atau lusa, ĕntahkan api pĕpĕrangan mĕnyala di-nĕgĕri kita ini ta'dapat-lah lagi kita bĕrhubong surat dĕngan bebas, sĕbab tĕntu sahaja kita sebok dĕngan pĕkĕrjaan, kĕrana mĕnjaga kĕsĕlamatan diri dan nĕgĕri jua.

Tĕtapi kakanda, bĕrdo'a-lah kita kapada Ilahi mudah-mudahan nĕgĕri kita akan tĕrlĕpas daripada bala pĕpĕrangan yang sĕdang mĕngancham itu dan kalau mithal-nya tĕrjadi pĕpĕrangan kakanda pandai-lah mĕnjaga diri, kalau dapat balek-lah dĕngan sĕgĕra ka-Bekok ini supaya dapat kita sakalian bĕrkumpul bĕrsama, mĕngalami sĕnang dan susah-nya bahaya pĕpĕrangan.

Sĕkian-lah dahulu surat daripada adinda harap dapat jawapan jua wassalam ada-nya.

Yang jauh,
'Azian Kamal.

Dĕmikian-lah bunyi-nya dua puchok surat 'Azian yang akhir kapada saya. Surat, itu maseh bĕlum saya jawab lagi sĕbab saya maseh mĕmikirkan isi yang mĕnasabah bagi mĕmbalas surat-nya itu.

Sa-tĕlah lama saya tĕrmĕnong, mĕmandang ka-sabĕrang

sungai Perak, mēmērhati arah ka-kampung Sayong yang hijau biru nampak-nya di-hadapan saya itu dan mēngalahkan pandangan pula ka-arrah gunung, yang jauh di-kiri kanan-ku, mēmērhatikan bēbērapa ekor burung yang sēdang tērbang dēngan riang-nya di-udara, maka bērbunyi-lah suara azan daripada Masjid 'Ubudiyah, tidak **di-sēdar** oleh saya bahawa waktu maghrib tēlah tiba; maka saya pun tērkochoh, kēmbali ka-rumah tumpangan saya kērana akan mēnyēmbah Ilahi.

Pada malam itu saya buat-lah surat bagi mēnjawab surat 'Azian. Dēmikian bunyi-nya :

Adinda-ku yang di-kasehi 'Azian Kamal

Bekok, Kēluang Johor.

Dēngan kēsējahtēraan-nya.

Adinda,

Kēdua, puchok surat-mu yang akhir tēlah sēlamat kakanda tērima. Suka bēnar kakanda mēmbacha surat, adinda itu; adinda nampak-nya tēlah pandai mēngarang surat, tēlah tinggi bēnar darjah karangan yang adinda gunakan di-dalam surat, itu, tēlah hampir, mēnyamai buah qalam para pujangga kita yang bijak. Kakanda sangat bērgēmbira mēlihat kēpandaian-mu mērangkaikan madah, mēlukiskan kata, sa-hingga banyak bēnar nampak-nya yang tērsirat di-antara yang tērsurat di-dalam warkah adinda itu.

Adinda, apa-kah ērti-nya yang adinda kata di-dalam surat adinda yang paling akhir bahawa adinda sēlalu tērmēnong? Apa-kah sēbab-nya adinda sēlalu tērmēnong, apa-kah yang di-mēnongkan? Jangan adinda mēnongkan hal, musharakat kita kērana hal kēpinchangan musharakat ta'kan dapat di-ubah dēngan hanya mēmikir-mikirkan-nya sahaja. Kēwajipan tiap, sa-orang Mēlayu yang ada bērpērasaan tanggung jawab kapada kē-

majuan bangsa-nya ia-lah bėkerja, sa-kali lagi ku-katakan ia-lah bėkerja. Masa bėrchakap tėlaha lama habis, sėbab itu jangan adinda marah jika kakanda tiada bėrsėtuju dėngan orang yang mėngidap pėnyakit tėrmėnong :

Mėngapa adinda sėlalu tėrmėnong
Awan yang tinggi mėngapa di-rėnong
Bulan di-langit mėngapa di-tėnong
Ada-kah bėrhajat mėmėlok gunong ?

Gunong di-pėlok sampai-kah tangan
Boleh-kah dapat barang di-angan
Hėndak tėrbang di-atas kayangan
Tinggal-lah beta mėmandang bayangan.

Mėlihat bayangan hati-ku pilu
Rasa di-iris dėngan sėmbilu
Hėndak di-sapa lidah-ku kėlu
Hėndak di-tėntang hati-ku malu.

Di-dalam surat adinda yang lalu itu adinda ada mėnyėbut akan kėbimbangan adinda kalau, pėpėrangan akan bėrlaku di-nėgėri ini. Sa-bėnar-nya sa-bagaimana yang di-bėritakan di-dalam akhbar, kėrajaan nėgėri ini memang bėrasa bimbang akan sėrangan daripada 'askar, Jėpun yang pada masa ini tėlaha pun bėrada di-Indochina. Tėtapi hal itu jangan-lah mėnyusahkan hati adinda dan ayahanda bonda jua. Sėrahkan-lah hal itu kapada Allah, mudah-mudahan di-lėpaskan-nya bala itu daripada kita sėmua.

Dalam pada itu jangan-lah pula kita lupa daripada bėrsėdia

menerima kedatangan benchana yang burok itu. Beri-lah tahu hal ini kepada ayahanda bonda kita.

Sa-lain daripada itu suka kakanda memberi sedikit nasihat kepada adinda ; sa-bagai sa-orang gadis rumaja yang terpelajar adinda boleh mendapat kedudukan yang baik di-dalam musharakat, sa-kira-nya adinda pandai membawa diri dan suka memberikan khidmat, yang berguna kepada umum terutama kepada kaum sa-jenis adinda. Tetapi ada suatu benda yang ada pada adinda yang jika adinda tiada pandai menjaganya akan menjadi suatu benchana kepada adinda dan boleh-lah di-katakan akan menjadikan benda yang sial ia-itu-lah adinda mempunyai wajah yang chantek. Kechantekan wajah adinda ada-lah seperti bulan purnama raya memancar, cahaya-nya ka-alam terbentang yang maha luas ini.

Patut-lah adinda ketahui bahawa kechantekan adinda itu tidak-lah lama ia berada di-dalam kehidupan adinda, hanya sebentar waktu tetapi itu-lah waktu-nya yang paling merbahaya di-dalam seluruh kehidupan adinda. Ketahui-lah adinda bahawa diri adinda akan menjadi tumpuan mata sa-genap laki, ramai di-antara pemuda, yang menhuba merapati adinda dan menhuba berkenalan dengan adinda, sebab itu pandai-lah adinda membawa diri supaya selamat menempoh hidup sa-masa rumaja; seperti kata pepatah : Pandai-lah meniti buih, supaya selamat badan ka-sabarang.

Kakanda mengingatkan adinda ini bukan-lah kerana kakanda ada berperasaan chemburu ; tetapi hanya kakanda berasa sayang, jika dengan kechantekan adinda itu-lah yang menyebabkan adinda susah.

Tentang diri kakanda memang dari dahulu lagi kakanda

tělah mēnětapkan ia-itu kakanda **tidak akan tertarek kapada yang chantek.** Kakanda chinta kapada adinda tětapi chinta kakanda itu ia-lah chinta saudara tidak lěbeh dan tidak kurang. Chinta saudara akan tětap chinta sa-hingga hari kiamat tětapi chinta di-antara dua orang yang běkaseh-kasehan bělum těntu akan kěkal abadi.

Sa-takat ini-lah sahaja dahulu, mudah-mudahan kita sěmua běrada di-dalam sělamat; di-sudahi děngan salam jua ada-nya.

Yang ikhlas,
Kamaruddin Elias.

BAB II

PĒCHAH PĒRANG "ASIA TIMOR RAYA"

Dēmikian-lah bunyi-nya balasan surat kapada 'Azian itu saya tulis dan tĕlah pun saya poskan pada kĕesokan hari-nya. Ēntah apa-kah pĕrasaan 'Azian mĕmbacha surat itu tiada-lah dapat saya mĕnĕka-nya, tĕtapi dĕngan sa-bĕnar-nya saya katakan sĕgala nasihat yang saya tulis itu ada-lah saya bĕri dĕngan hati yang ikhlas; saya kasehan kapada-nya, supaya jangan tĕrlalu jauh di-lambong oleh angan; kĕhidupan yang ta'mungkin akan tĕrchapai dan supaya dia boleh mĕnjaga kĕsĕlamatan diri-nya daripada sa-barang godaan dunia yang palsu ini.

Ada lĕbeh kurang sa-minggu lĕpas daripada saya mĕngirim surat kapada 'Azian ia-itu pada 8 haribulan December 1941 maka pĕchah-lah pĕpĕrangan di-sabĕlah timor ini. Mĕnurut kata Jĕpun ia-lah Dai Toa Senso ya'ani pĕpĕrangan Asia Timor Raya. 'Askar; Jĕpun tĕlah mĕnyĕrang Tanah Mĕlayu dĕngan mĕndaratkan tĕntĕra-nya di-Kota Baharu, Kĕlantan dan juga di-Singgora dĕngan tujuan hĕndak mĕnuju ka-pantai barat sĕmĕnanjong.

Oleh sĕbab kĕmaraan tĕntĕra Jĕpun yang dĕras di-dalam pĕpĕrangan itu maka sĕkolah tĕmpat saya bĕlajar tĕlah di-tutup. Saya tĕlah di-pĕrentahkan oleh guru bĕsar sĕkolah saya supaya balek **ka-kampong bagi sĕmĕntara**. Sĕdeh rasa-nya hati saya hĕndak mĕninggalkan sĕkolah sĕbab mĕnurut anggaran-nya hanya bĕbĕrapa bulan sahaja lagi saya akan tammat di-dalam darjah yang paling tinggi sĕkali di-sĕkolah itu. Apa boleh buat, sudah takdir dari Ilahi saya ta'dapat mĕnamatkan pĕrsĕkolahan saya.

Saya tĕlah bĕrtolak dĕngan bĕbĕrapa orang rakan lagi mĕninggalkan Kuala Kangsar kĕmbali ka-kampong dĕngan kĕreta-api pagi. Waktu itu 'askar Jĕpun sudah sampai di-Sungai



Péchalé pérang "Asia Timur Raya."

Pētani di-dalam nĕgĕri Kĕdah. Di-dalam kĕreta-api yang saya tumpang itu saya tĕrjumpa dĕngan saki-baki daripada satu company 'askar India yang tĕlah bĕrjuang mĕnĕntang Jĕpun di-Kĕdah Utara. Mĕreka mĕnyatakan **Pulau Pinang** tĕlah pun di-tawan oleh musoh.

Kĕreta-api yang saya tumpang itu bĕrjalan dĕngan dĕrasnya mĕnuju ka-sĕlatan. Lĕbeh kurang pukul 4½ pĕtang sampailah ka-pĕrhĕntian kĕreta-api Kuala Lumpur.

Pada pukul 8 malam itu bĕrtolak-lah pula saya dari Kuala Lumpur dĕngan kĕreta-api yang mĕnuju ka-Singapura. Lĕbeh kurang pukul 2½ malam sampailah kĕreta-api itu di-pĕrhĕntian kĕreta-api Bekok, sa-buah pĕkan di-utara nĕgĕri Johor 30 batu jauh-nya arah ka-sĕlatan bandar Sĕgamat.

Sĕbab saya sampai pada waktu tĕngah malam, sĕmĕntĕlahannya pula saya memang tidak mĕnulis surat kapada bapa saudara saya atau pun kapada 'Azian jadi tiada-lah siapa mĕnunggu saya di-pĕrhĕntian kĕreta-api. Kĕrana malam itu tidak ada kĕreta sewa, tambahan pula waktu itu nĕgĕri bĕrada di-dalam kĕadaan pĕrang, sĕmua-nya bĕrgĕlap tiada sadikit pun nampak chahaya api, jadi saya tĕrpaksa dudok di-pĕrhĕntian kĕreta-api mĕnunggu hari siang.

Sa-tĕlah hari siang saya pun mĕnyewa sa-buah taxi kĕmbali mĕnuju ka-rumah bapa saudara saya **Kamal** yang bĕkĕrja sabagai mandor di-Bukit Bantang Estate. Saya sampai ka-rumah bĕtul pukul 8 pagi. 'Azian dan ibu-nya **Ma'Chik Sĕlamah** tĕlah tĕrpĕranjat mĕlihat saya balek. Mĕreka kĕdua-nya tĕrgĕsa₂ mĕnyambut kĕdatangan saya; 'Azian mĕnolong mĕngangkat beg bĕkas pakaian saya, manakala Ma'Chik Sĕlamah mĕnolong mĕngangkat bungkusan kitab₂ saya.

"Mĕngapa ĕngkau tidak bĕrsĕkolah hari ini 'Azian?" Saya

běrtanya kapada 'Azian sa-tělah saya dudok sa-kětika mėlěpas-kan lělah.

“Hari ini hari Ahad, sěkolah tutup!” Jawab 'Azian.

“Oh, baharu aku ingat, sěkolah ěngkau **di-tutup pada hari Ahad** bukan-nya pada hari Juma'at. Ah, sayang-nya di-dalam něgěri Islam, maseh ada sěkolah yang di-tutup pada hari Ahad. Bila-kah masa-nya hal ini akan dapat di-ubah?” Kata-ku sa-olah, měnyindir.

'Azian ta'sěmpat měnjawab kěrana **Ma' Chik Sělamah** tělah měnyampok pula “Bělum pun hilang pěnat-mu tělah hěndak běr-bahath pula, pěrgi-lah běrsalin baju dahulu.....aku hěndak měnděngar chěrita bagaimana něgěri Perak kěna bom.” Dia měnamatkan kata-nya.

“Těmpat yang kěna bom bukan-nya Kuala Kangsar tětapi ia-lah Ipoh. Saya sěndiri bělum měngalami hal itu Ma' Chik” Jawab saya sambil masok ka-dalam bilek běrsalin baju.

Sa-tělah sudah saya běrsalin baju Pa' Chik Kamal pun sampai, kěrana ada orang měmběri tahu dia měngatakan saya balek. Sa-tělah běrsalam₂an dia běr-tanyakan hal kěmaraan těntěra Jěpun. Saya jawab měnurut běr-ita, mulut 'askar Jěpun sudah pun běrada di-Sungai Pětani dan Pulau Pinang tělah pun jatoh ka-tangan měreka.

Pada pětang itu sědang saya dudok sa-orang diri di-sěrambi rumah měmbacha akhbar kěluaran hari itu tiba, 'Azian kěluar dari dalam bilek-nya dan měngunjokkan sa-puchok surat kapada saya sambil běr-kata, “Ini surat yang sa-patut-nya tělah saya pos-kan pagi ini tiba, abang tělah balek pagi ini juga, jadi sěkarang saya sampaikan děngan tangan sahaja: jěmput-lah bacha sěndiri.”

“Surat apa pula ni ‘Azian, barangkali jawapan surat yang ku-kirim dahulu agak-nya” Tanya saya.

“Ya” Jawab ‘Azian.

Surat itu sęgęra saya buka, isi-nya hanya sha'er sa-mata, tiada sa-baris karangan nathar. Ganjil bęnar pula surat itu, dęmikian bunyi-nya :

Kakanda-ku Kamaruddin Elias :

Surat kakanda datang męnjęlma
Sa-tęlah hilang satu pęrnama
Balek-lah roh jiwa bęrsama
Bęrsinar-lah wajah muda utama.

Wajah yang muram hilang-lah sudah
Tęrbang męlayang hati yang gundah
Dunia yang luas ku-pandang indah
Langit yang tinggi rasa-nya ręndah.

Tętapi abang sampai-kah hati
Sampai-kah rasa wahai gusti
Adinda di-hukum dęmikian pękęrti
Salah adinda apa-kah bukti ?

Adinda di-puji chantek bęrsęri
Sapęrti bulan kawan matahari
Bętul-kah begitu wahai jauhari
Męngapa bintang męlarikan diri ?

Bukan-lah saya saperti bulan
Bulan di-awan di-kelilingi taulan
Saya di-bumi hidup terkilan
Gundah-gulana jadi 'amalan.

Kalau kakanda tidak kasehan
Sakit adinda saperti di-bahan
Hati sedih tidak tertahan
Jatoh terkulai di-hujung dahan.

Kasih kakanda kasih saudara
Boleh-kah sama kita mengembara
Menempoh hutan padang belantara
Melayari laut, menempoh gelombang.

Bukan-nya mudah kasih sejati
Redza hidup, bersama mati
Redza berkorban, redza berbakti
Mengapa di-buat tidak mengerti ?

Jangan mudah tidak percaya
Beta berharap akan bahagia
Kira-nya harapan tidak berchahaya
Memang-lah sakit hidup di-dunia.

Sampai di-sini qalam pun rebah
Berhenti sementara sha'er di-gubah
Di-harap kakanda jangan ghalabah
Kasih sejati jangan berubah.

Akhir-nya kakanda tērima-lah salam
Sha'er di-tamatkan di-waktu malam
Di-dalam tērang di-luar kēlam
Nampak sang bulan mēnērangi 'alam.

Yang jauh,
'Azian Kamal.

"Ah sēdap bētul sha'er ini 'Azian, tēlah pandai rupa-nya
ēngkau mēngarang, bukan sahaja karangan **nathar** tētapi **sha'er**
juga ; suka hati-ku mēlihat kēmajuan ēngkau di-dalam bahasa
Mēlayu" Saya bērkata₂ kapada 'Azian yang sēdang dudok di-
kērusi di-hadapan saya.

"Abang juga pandai mēngarang dan mēnyindir₂ saya dēngan
sha'er !" Jawab-nya.

"Jadi sēkarang hēndak mēmbalas dēndam-lah !" Kata saya
pula, "Rupa₂-nya ada orang yang mēnaroh dēndam kapada-ku,
aku ta'sangka sēkali₂ dēmikian" Kata saya lagi.

"Dēndam banyak pērkarā dēndam, ada dēndam marah,
ada dēndam suka, bagi saya ia-lah rindu dēndam....."
Jawab 'Azian sambil tērsēnyum.

"Rindu dēndam apa ?" Tanya saya.

"Rindu dēndam pērsaudaraan" Jawab-nya.

"Tētapi 'Azian, apa maksud-nya sha'er-mu ini. Chuba-lah
tafsirkan kapada aku supaya dapat aku mēmahamkan-nya
bērsama." Kata-ku pula dēngan mēmandang tēpat ka-muka-nya.
Mēndēngar pērtanyaan saya itu ia tērpēgun sa-bēntar, kēletah-

nya hilang, muka-nya naik merah saperti bunga ros kembang pagi chantek bėrsėri, harum sėmėrbak.

Sa-tėlah bėbėrapa sa'at lama-nya tėmpat itu mėnjadi lėngang tiada sa-orang pun yang bėrkata, maka kėdėngaran-lah suara Ma' Chik Sėlamah dari dapur mėmanggil 'Azian mėnyuroh mėngangkat kopi untok saya.

Azian pun bangun dari tėmpat dudok-nya sambil bėrkata, "Saya fikir abang tėntu lėbeh pandai mėmbacha yang tėrsirat sa-lain daripada yang tėrsurat." Lėpas daripada dia bėrkata, itu dia pun pėrgi ka-dapur kėrana mėngambil ayer kopi.

Kėmaraan tėntėra Jėpun yang saperti kilat daripada utara mėnuju ka-sėlatan Malaya itu tiada-lah dapat di-tahan oleh tėntėra pehak bėrikat. Lėbeh sadikit dua bulan lama-nya pėpėrangan di-Tanah Mėlayu pun tammat. Singapura tėlah jatoh. Lt. General Percival tėlah mėnanda tangani surat mėngaku mėnyėrah kalah dėngan tidak bėrsharat kapada Lt. General Yamashita, panglima tėntėra Jėpun yang di-tugaskan kėrana mėna'alokkan Malaya.

Bila tėmpat saya Bekok di-tadbirkan oleh tėntėra Jėpun ada bėrbagai pėrkara baharu yang di-bawa oleh mėreka. Mithalnya jika orang hėndak mėlalui tėmpat 'askar Jėpun bėrkawal hėndak-lah mėmbėri hormat dėngan mėnundokkan kėpala kapada 'askar itu, jika tidak orang itu akan kėna tėmpeleng atau samping dalam bahasa Jėpun.

Sa-lain daripada itu jika ada 'askar **Jėpun** shak akan orang mėnjadi ahli party Communist tėrutama-nya orang China, orang itu akan di-tangkap dan di-bunoh, rumah-nya di-bakar. Saya mėlihat dėngan mata kėpala sėndiri bagaimana kėdzaliman 'askar pėndudokan Jėpun tėrhadap sa-sama manusia.

Dan lagi 'askar₂ Jěpun itu tělah měmbuka darjah₂ kěrana měngajar bahasa-nya kapada ra'ayat jělata dan juga měngajar lagu₂ nasional-nya. Lagu₂ **Aikoku koshin kyoku**, **Aikoku no hana** dan **Ame yo fure fure** tělah di-ajar děngan sěrtaměrtakapada ra'ayat di-těmpat saya dan lagu₂ itu tělah měnjadi nyanyian dan **siulan** pēmuda₂ sakalian-nya.

Sa-lain daripada itu di-tembok₂ dan di-dinding₂ kědai dan di-pěrhěntian kěreta-api tělah di-tampal oleh měreka děngan poster₂ kěrana měnyěru ra'ayat něgěri supaya bělajar bahasa Jěpun atau Nippon Go, sěrtada ada pula di-tulis pěrkataan Jěpun děngan gambar₂-nya sěkali; umpama kalau gambar topi di-tulis oleh měreka di-bawah gambar itu děngan pěrkataan boshi, kalau bintang di-tulis měreka hashi, kalau gambar bunga di-tulis měreka hana dan lain₂-nya bagi měnyěnangkan dan měngalakkan orang₂ měmpělajari bahasa-nya itu.

Bagitu-lah chara-nya orang₂ Jěpun itu hěndak měmajukan bahasa dan kěbudayaan-nya di-dalam něgěri yang di-dudokinya. Sa-lain daripada itu sa-bagai langkah yang pěrtama hěndak měmajukan bahasa-nya, pēměrentahan těntěra Jěpun di-Tanah Mělayu tělah měngharamkan těrus bahasa Inggěris daripada di-gunakan di-dalam sa-barang Pějabat Pos. Bahasa yang boleh di-gunakan di-dalam pějabat itu hanya bahasa Mělayu dan Jěpun. Walau pun bahasa Inggěris tělah di-haramkan, kěrja₂ di-pějabat pos boleh běrjalan děngan lanchar-nya měngikut kěadaan masa pěrang.

Děmikian-lah sěrba rengkas yang dapat saya chěritakan běkěnaan děngan pandangan 'am saya apa yang tělah di-bawa oleh 'askar₂ Jěpun bila měreka masok ka-něgěri ini, měreka tiada měmbawa běras dan kain, měreka tiada měmbawa alatan₂ yang lain untok kěsěnangan ra'ayat něgěri ini tětapi měreka měmbawa kěbudayaan měreka; di-tanamkan-nya kěbudayaan

měreka itu ka-dalam hati sanubari ra'ayat něgěri ini sa-hingga di-dalam masa **sa-tahun dua** sahaja měreka mēměrentah něgěri ini tělaha ada ra'ayat něgěri ini yang běrsěmangat sa-pěrti sěmangat Jěpun.

BAB III

BĒRPINDAH KA-KĒMIDAK

Bapa saudara saya Pa' Chik Kamal itu, sa-bĕlum Jĕpun datang dahulu bĕkĕrja sa-bagai mandor di-Bukit Bantang Estate ia-itu sa-buah estate gĕtah kĕpunyaan sharikat orang Eropah. Gaji-nya pun bĕsar juga. Bila tĕntĕra Jĕpun tĕlah mĕmĕrentah Malaya, estate itu tĕlah di-tutup, dĕngan sĕbab itu famili Pa' Chik Kamal pun bĕrpindah-lah ka-rumah-nya sĕndiri yang dudok-nya di-dalam kawasan bandaran Bekok, tidak bĕrapa jauh daripada pĕrhĕntian kĕreta-api.

Saya sa-bagai kĕluarga Pa' Chik Kamal pun tĕntu-lah bĕrpindah juga, diam bĕrsama, di-rumah-nya yang boleh di-katakan bĕsar juga lĕngkap dĕngan pĕkarangan yang elok di-pandang mata.

Pa' Chik Kamal boleh di-katakan bĕrnasib baik sĕbab bĕlum pun lama ia bĕrpindah kĕluar daripada estate tĕmpat dia bĕkĕrja dahulu itu, dia tĕlah dapat lesen kĕrana mĕnjual bĕras. Pada masa pĕmĕrentahan Jĕpun barang siapa yang dapat lesen kĕrana mĕnjual bĕras sĕnang-lah dia : sĕbab bĕras itu boleh di-jual dĕngan harga yang sangat tinggi mĕngikut harga pasar gĕlap. Sa-lain daripada itu orang, yang bĕrjual bĕras itu akan tĕtap kĕnyang pĕrut-nya di-tĕngah, ra'ayat yang mĕndĕrita kĕlapan, mĕreka akan tĕtap gĕmok di-tĕngah, ra'ayat yang kurus kĕring kĕrana ta'chukup makan.

Itu-lah sĕbab-nya tatkala Pa' Chik Kamal mĕngajak saya bĕkĕrja di-kĕdai-nya **saya tolak**. Saya tahu Pa' Chik Kamal bukan-nya sa-orang pĕmĕras ra'ayat, dia bukan-nya sa-orang yang bĕrmata duitan tĕtapi walau bagaimana pun tiap, orang yang mĕnjadi pĕnjual bĕras itu tĕntu sĕnang, bĕras yang di-jual tĕntu bĕrlĕbeh dan boleh di-jual ka-dalam pasar gĕlap.

Hati saya memang-lah lain dari yang lain — saya ta'mahu diri saya atau keluarga saya sahaja yang sĕnang walau pun kĕ-sĕnangan itu di-dapati dĕngan **jalan yang bĕnar dan halal**. Saya ta'sampai hati mĕlihat orang lain hidup mĕndĕrita di-kĕ-liling saya.

Pa' Chik Kamal bĕrtanya kapada saya "Mĕngapa ĕngkau ta'hĕndak bĕkĕrja di-kĕdai kita Kamaruddin?"

Lama juga saya tĕrmĕnong hĕndak mĕnchari jawab yang mĕnasabah akan so'alan Pa' Chik Kamal itu. "Bagini Pa' Chik, saya bukan ta'hĕndak bĕkĕrja di-kĕdai Pa' Chik itu, tĕtapi ia-lah di-sĕbabkan saya ada mĕndĕngar khabar Jĕpun hĕndak mĕnchari orang, muda bagi di-paksa bĕkĕrja mĕmbuat jalan kĕreta-api di-nĕgĕri Siam. Oleh sĕbab itu saya fikir saya hĕndak bĕrundor dahulu ka-Kĕmidak, mĕnumpang-lah sa-siapa yang patut di-sana dahulu. Di-sana saya boleh mĕngajar budak, mĕngaji Qur'an dan kitab sĕrta juga mĕngajar mĕnulis dan mĕmbacha bahasa Mĕlayu. Saya fikir kalau saya tidak pĕrgi ka-Kĕmidak, harus saya akan kĕna tangkap dan akan di-hantar ka-Siam. Bagaimana fikiran Pa'Chik di-dalam hal ini?" Dĕmikian-lah jawab saya atas pĕrtanyaan Pa' Chik Kamal itu. Sa-bĕnar-nya pada masa itu memang sĕdang heboh orang. Jĕpun hĕndak mĕmaksakan orang, pĕrgi mĕmbuat jalan kĕreta-api di-nĕgĕri Siam kĕrana Jĕpun hĕndak mĕnyiapkan sa-batang jalan kĕreta-api daripada nĕgĕri Siam pĕrgi ka-nĕgĕri Burma bagi mĕnyĕnangkan mĕreka mĕmbawa sĕnjata dan askar kĕrana hĕndak mĕna-'alokkan India dan mĕngawal nĕgĕri Burma yang memang tĕlah di-dudoki-nya.

Mĕndĕngar jawapan saya itu Pa' Chik Kamal pun bĕrkata, "Bĕtul kata ĕngkau itu Kamaruddin, baharu hari sa-malam aku mĕndĕngar khabar bĕbĕrapa orang pĕmuda China tĕlah di-paksa pĕrgi ka-Siam. Aku fikir lĕbeh baik juga ĕngkau pĕrgi ka-Kĕmidak, di-sana ĕngkau boleh mĕnumpang di-rumah Haji Yusof

sahabat baik aku. Nanti boleh aku bĕri tahu hal ini kapada-nya.”

Kĕmidak ia-lah sa-buah kampung Mĕlayu yang tĕlah lama di-dirikan, jauh-nya lĕbeh kurang 15 batu daripada bandar Bekok, masok ka-dalam hutan, ta'bĕrapa jauh daripada kaki gunung Bekok. Kĕadaan kampung ini ia-lah tĕrpĕnchil. Ada pun sĕbab-nya tĕmpat itu boleh jadi kampung ia-lah kĕrana di-sana ada tanah sawah yang sangat subur bahkan mĕnurut kata orang yang mĕngĕrti di-dalam hal pĕrsawahan, tanah sawah di-Kĕmidak itu-lah yang paling subur sĕkali di-dalam nĕgĕri Johor sĕluroh-nya, lĕbeh subur daripada sawah di-Kampung Tĕnang dan Jĕmĕntah di-dalam daerah Sĕgamat.

Pada masa sa-bĕlum pĕchah pĕrang di-Tanah Mĕlayu ini dahulu kampung Kĕmidak hanya di-dudoki oleh lĕbeh kurang 30 orang Mĕlayu sahaja tĕtapi apabila Jĕpun tĕlah mĕmĕrentah Tanah Mĕlayu ini, bĕras tĕrlalu kurang, makanan, lain pun kurang juga, maka makin ramai-lah orang, yang datang ka-sana mĕmbuat sawah, bĕrchuchok tanam barang, makanan dan juga bĕrtĕrnak ayam itek.

Ada pun sĕbab yang sa-bĕnar-nya saya hĕndak pĕrgi ka-Kĕmidak itu bukan-lah sĕkali, kĕrana saya takut hĕndak pĕrgi mĕnjadi buroh paksa ka-Siam. Pĕrchakapan saya dĕngan Pa' Chik Kamal hari itu hanya sa-bagai dalehan sahaja. Ada dua sĕbab yang bĕsar yang mĕnjadikan saya hĕndak bĕrundor ka-Kĕmidak itu yang pĕrtama sapĕrti yang tĕlah saya katakan kapada Pa' Chik Kamal ia-itu saya hĕndak mĕmbĕrikan khidmat saya kapada lĕbeh daripada 30 orang kanak, di-Kĕmidak itu yang tĕlah patut masok ka-sĕkolah tĕtapi tiada bĕrpĕluang oleh sĕbab tiada sĕkolah di-sana. Lagi pun kalau ada pun sĕkolah pada zaman pĕmĕrentahan Jĕpun hanya-lah sa-bagai mĕlĕpaskan batok di-tangga sahaja, sĕbab pada zaman itu orang hanya mĕngutamakan so'al pĕrut, so'al hĕndak mĕnchari sadikit ubi

kayu dengan ikan kembong asin dan juga so'al hendak menchari sa-chabis kain untuk penampal seluar baju yang koyak.

Yang kedua yang menjadikan saya hendak pergi ka-Kemidak itu ia-lah kerana saya hendak menjauhkan diri dari 'Azian. 'Azian nampak-nya sangat jinak kepada saya, 'ibarat burung selalu hendak makan di-tangan. Saya bimbang dengan keadaannya yang sa-demikian itu; saya takut penyakit-nya chintakan saya itu sa-makin bertambah, pada hal saya sedikit pun tiada chinta kepada-nya. Chinta saya kepada-nya seperti yang telah pun saya katakan terdahulu daripada ini ia-lah chinta saudara sahaja.

Sa-waktu 'Azian mengetahui yang saya akan pergi ka-Kemidak, dia datang berjumpa saya, "Saya mendengar dari berita angin yang lalu, abang akan pergi ka-Kemidak, benar-kah berita itu?" Kata-nya kepada saya.

"Benar 'Azian, abang hendak pergi memberikan khidmat kepada kanak, di-sana yang tiada berpeluang mendapat pelajaran di-bawah pemerintahan tentera Jepun ini. Di-sana abang akan mengajar perkara, yang bersangkutan dengan ugama Islam dan juga bahasa Melayu. Abang fikir di-dalam masa perang ini lebih baik kita mengamalkan ilmu yang ada sedikit sa-banyak kepada kita, supaya tidak-lah semuanya akan menjadi korban peperangan belaka" Jawab-ku.

"Sangat mulia chita, abang, tetapi sayang-nya khidmat yang hendak abang beri itu hanya kepada satu musharakat yang kecil di-tengah rimba raya — ketahui-lah khidmat abang itu tidak akan di-ketahui oleh umum. Bukan-kah lebih baik jika abang berkhidmat di-sini atau pun di-bandar, yang besar, nanti abang akan terkenal sa-bagai sa-orang ahli perjuangan, sa-orang pembela bangsa dan nusa" Jawab-nya pula.



..... abang akan pergi ka-Kemidak

"Pada zaman ini aku fikir lēbeh baik kita mēnjauhkan diri daripada bēkējasama dēngan pēmērentahan tēntēra Jēpun. Kalau abang pērgi ka-Kēmidak, akan jauh-lah diri abang daripada Jēpun. 'Askar, Jēpun memang ta'pērnah sampai ka-sana. Di-sana kita boleh bebas hidup bēkērja dan mēnaja sa-barang apa jua yang bērguna kapada bangsa kita kēmudian hari kēlak" Jawab saya pula.

"Tētapi abang, apa-lah ērti-nya mērak mēngigal di-tēngah rimba!" Dia bērkata mēnggiat saya.

"Barangkali mērak mēngigal itu bukan-nya hēndak bērmēgah, dan mēminta supaya orang lain mēndēngar-nya." Jawab-ku.

"Mērak ia-lah sa-jēnis burong yang chantek bulu-nya dan mērdū suara-nya. Padan bēnar-lah kalau ada orang yang bērhajat mēnangkap-nya, hēndak di-bēla di-bēri makan dan dituntun jadi hiboran di-waktu sēpi" Jawab 'Azian lagi.

"Hai 'Azian mērak di-hutan itu ia-lah sa-jēnis burong yang sangat liar, jangan sēkali, di-pērmudahkan. Kalau liar, balam dapat juga di-tawan atau jinak, mērpati pun dapat juga ditangkap. Tētapi liar, mērak sangat-lah susah hēndak di-tawan. Kalau ia tērbang mēnyusor awan, kalau ia turun ka-bumi hilang chahaya bulu-nya di-chēlah daun, yang hijau. Abang fikir orang yang ada bērchita, hēndak mēnangkap mērak sama-lah sapērti orang yang mēmbuat sa-suatu pēkērjaan yang sia-sia" Saya bērkata mēmbēri sindiran yang tēpat kapada-nya.

'Azian tērmēnong mēndēngar pērkataan saya itu. Dia sa-olah, kēhabisan modal hēndak bērkata, di-dalam tamthil 'ibarat.

"Nanti kalau abang tēlah bērada di-Kēmidak kēlak, harap hantar bērita dari sana supaya bolch mēnjadi hiboran kapada saya yang kēsunyian di-sini" Kata-nya pula sa-tēlah bēberapa sa'at dia tērmēnong.

“Baik-lah ‘Azian, nanti ku-kirim surat kapada-mu mēlalui orang₂ di-sana yang turun ka-Bekok ini. Tinggal-lah engkau..., jaga-lah diri sēndiri sēbab sa-baik-baik pēngawal bagi sa-saorang gadis itu ia-lah diri-nya sēndiri” Jawab-ku pula mēmbēri nasihat kapada-nya.

Sa-tēlah sampai sa‘at-nya yang baik maka saya pun bērtolak-lah ka-Kēmidak bērsama₂ dēngan lima orang lagi orang₂ yang memang tinggal di-sana. Kami bērtolak gēlap₂ pagi hari; sa-tēlah mēlalui hutan rimba raya, turun bukit naik bukit, mēlalui lēmbah dan paya, mēnēmpoh bēbērapa anak ayer maka sampailah kami ka-Kēmidak hampir waktu maghrib. Sapērti yang tēlah di-ranchangkan dari mula-nya, saya pun mēnumpang diam di-rumah Tuan Haji Yusof sa-orang sahabat baik Pa’ Chik Kamal.

Baharu₂ saya sampai ka-sana itu tērasa bēnar pērubahannya bagi diri saya. Saya bērasa kēsunyian di-tēngah rimba. Saya bēlum biasa dēngan kēadaan kampong di-tēngah hutan itu, tētapi sa-tēlah saya mēngēnal suara ungka harapan yang sēntiasa mēndayu₂ di-kaki gunung Bekok itu, sa-tēlah saya mēndengar suara mērdu daripada burong₂ kuau, mua, siul dan sēri lanting di-lēmbah₂ yang bērhampiran dēngan kampong itu, sa-tēlah saya tahu mēnggētah burong punai dan mēmbuat pērangkap pēlandok di-tēpi₂ kampong Kēmidak itu, ya ! sa-tēlah saya tahu akan hal kēadaan hidup di-kampong itu..... maka kēsunyian yang saya ‘alami itu hilang-lah sudah; sēpi bērganti dēngan gēmbira, dukachita bērganti dēngan bahagia.

Kalau di-waktu malam tērang bulan sēlalu saya mēmandang ka-punchak gunung Bekok yang hijau biru nampak bērbalam. udara dingin mēnghēmbus nyaman, pērasaan-ku sēgar mēnēmpoh hidup yang pēnoh dēngan rasa bahagia, ‘ibarat laut ēntah di-mana tanah tēpi-nya, ‘ibarat padang pasir ēntah di-mana sēmpadan-nya.

Oh, chantek sungguh pēmandangan di-gunong Bekok, yang

di-lěmbah-nya itu-lah těmpat aku di-lahirkan. Patut-lah aku měmuja kěindahan-nya, patut-lah aku běrkorban kěrana-nya dan kalau pěrlu biar-lah nyawa aku ini mělayang untok měmpěrtahankan tanah lěmbah-nya daripada di-nodai oleh tangan yang běrnajis.

Ya, aku sěkarang tělah běrkorban kapada-nya, aku tělah měnyěmbahkan bakti-ku kapada-nya děngan měndidek kanak₂ yang hidup di-lěmbah-nya itu supaya měnjadi pěmuda dan pěmudi yang běrguna kěmudian hari kělak. Siapa-kah yang tidak akan měmuji jasa-ku jika aku tělah měngajar kanak₂ di-kampung Kěmidak itu akan hukum₂ ugama Islam yang maha suchi? Siapa-kah yang tidak měngatakan aku běrbakti jika aku tělah měnjadi guru untok měngajar bahasa Mělayu kapada kanak₂ itu, měngajar bahasa yang sa-memang-nya di-kětahui dan di-gunakan oleh lěbeh daripada 99% pěndudok něgěri ini yang layak di-katakan sa-bagai Bahasa Kěbangsaan di-Sěmėnanjong Tanah Mělayu ini?

Gunong Bekok-lah yang měnjadi saksi bahawa aku tělah běrbakti. Biar-lah musharakat ramai tidak měngětahui apa yang ku-buat tėtapi měngikut ajaran Islam, Tuhan yang maha kuasa tětap měngětahui sěgala apa jua kěbaikan yang di-buat oleh sa-tiap manusia. Asakan kěrja₂ yang měndatangkan kěbajikan itu di-kěrjakan děngan ikhlas maka Tuhan akan měmbalas-nya děngan pahala yang běrlipat ganda. Kadang₂ orang yang běkěrja děngan ikhlas itu di-balas oleh Tuhan di-dalam dunia jua. Boleh kita lihat sa-saorang itu naik dari sa-tingkat ka-satingkat měnuju kětinggian di-dalam hidup-nya; sa-balek-nya orang yang mělakukan kějahatan nampak jua balasan Tuhan sa-masa hayat-nya.

Sa-tělah hampir tiga bulan lama-nya saya běrada di-Kěmidak itu tiada pěrnah saya měnulis surat kapada 'Azian. Saya hanya měnulis sa-puchok surat kapada Pa' Chik Kamal sahaja měnyatakan saya tělah sělamat běrada di-Kěmidak dan sěkarang

tělah pun měmběrikan khidmat saya kapada kanak₂ di-kampong itu.

Rupa₂-nya pěrbuatan saya tidak mēnulis surat kapada 'Azian itu mēnambahkan dukachita yang amat sangat kapada-nya. Dia tělah mēnulis surat kapada saya děngan mēnudoh saya mungkir janji kěrana tidak mēnulis surat itu, sěbab sa-bělum saya běrtolak dahulu saya tělah běrjanji hěndak mēnulis surat kapada-nya. Dēmikian-lah bunyi surat-nya itu :

Kakanda Kamaruddin Elias.

Di-Kěmidak,

Děngan kēsějahtěraan-nya.

Kakanda,

Dari sēměnjak kakanda pěrgi ka-Kěmidak hidup adinda sěntiasa di-dalam kěsunyian. Ĕntahkan memang kěhidupan gadis₂ rěmaja memang bagini atau Ĕntahkan kěrana ada sěbab₂ yang lain tidak-lah adinda pěstikan tětapi yang nyata-nya sēměnjak kakanda tidak ada hati adinda sěntiasa běrdukachita. Adinda sapěrti kěhilangan suatu barang yang amat di-sayangi yang sangat mahal nilaiannya dan tidak pula boleh di-tukar ganti.

Oleh sěbab itu-lah ku-tulis surat ini kapada kakanda měngadukan hal diri, mēnchěritakan untong nasib badan, moga₂ dapat pula kakanda měmběrikan balasan-nya barang sa-patah dua untok měnjadi pěnawar hidup-ku yang sědang rěsah gělisah ini. Bukan-kah kakanda jua tělah běrjanji hěndak mēnulis surat kapada adinda apabila sampai ka-Kěmidak? Tětapi tělah hampir tiga bulan kakanda běrada di-sana, ta'ada sa-charek kěrtas pun yang kakanda layangkan; kakanda sa-olah₂ tělah lupa sa-lupa₂-nya kapada adinda.

Tětapi.....ya ta'ya juga, sunggoh pun Kěmidak sa-

buah kampong di-tengah hutan rimba, di-sana ta'kurang pēnghiboran, barangkali kakanda leka mēndēngar nyanyian burong, yang mērdū suara-nya di-kaki gunung Bekok, atau pun kakanda tērpēsona mēndēngar dēruan ayer tērjun di-sungai Kēmidak yang dingin dan jērneh ayer-nya, atau pun kakanda kēhairanan mēlihat sawah padi yang mēnguning buah-nya di-kampong itu, atau pun kakanda **khial** kērana tērhidu akan harum-nya bunga antoi yang sēdang bērkēmbangan di-pinggir kampong Kēmidak itu, ya di-Kēmidak ta'kurang pēnghiboran.....patut-lah kalau kakanda mēlupakan adinda dan mēlupakan janji hēndak mēnulis surat kapada adinda.

Kakanda,

Biar-lah adinda tēka bahawa sēbab yang bēsar-nya yang mēnyēbabkan kakanda pērgi ka-Kēmidak ia-lah kērana hēndak mēnjauhkan diri daripada adinda, bukan-nya sēbab kakanda takut di-paksa oleh tēntēra Jēpun pērgi ka-Siam kērana adinda tahu bēnar, bahawa kakanda bukan-nya orang yang pēnakut atau pun orang yang suka lari jika mēlihat orang lain mēndērita; tētapi adinda harap tēkaan adinda ini tidak bēnar. Jika bēnar akan mēndērita-lah hidup adinda, akan hilang-lah chahaya harapan adinda hēndak hidup bērbahagia di-dunia ini :

Oh, ini-kah dia kēsunyian ?

Suka gēmbira lari bērtērbangan

Bahagia mēnjadi angan-angan

Harapan hati hilang di-tangan

Mēnēmpoh zaman sēsai bērkēpanjangan.

Kalau ada burong mēnyanyi

Boleh saya mēnumpang bahagia

Kalau ada ungka bērbunyi

Tanda harapan makin bērchahaya

Kalau ada kakanda tērtawa
Boleh adinda mēnumpang tērtawa
Kalau kakanda mērasa bahagia
Boleh adinda mēnumpang sama

Kini hidup-ku hanya sēpi
Kakanda bērada di-pinggir gunong
Kēnangan mēnjadi mimpi
Bulan di-langit 'ashék di-tēnong

Kalau kasehan ambil-lah beta
Kēluarkan beta ka-'alam nyata
Jangan biarkan beta bērchinta
Di-lambong ombak gēlap gulita
Ta'ada chahaya, ta'ada pēlita
Hanya gēlap 'alam sēmēsta.

Kakanda,

Mēngapa kakanda tidak mēmbawa adinda bērsama, di-dalam pērjuangan mēnyampaikan chita, kakanda di-kaki gunong Bekok ; kakanda nampak-nya sa-olah, tidak pērchaya akan diri adinda juga boleh bērsama, mēndidek kanak, di-Kēmidak itu. Kakanda, apa yang kurang pada diri adinda ? Bukan-kah adinda sa-orang gadis yang tērpēlajar ? Bukan-kah adinda juga bērkēlayakan bērjuang bērsama, kakanda di-kampong yang mērdeka di-tēngah, rimba raya itu ?

Oh kakanda, ambil-lah diri-ku ini supaya dapat aku bērbahagia di-samping kēbahagiaan hidup kakanda, supaya dapat saya mēnyēdut udara yang dingin di-kaki gunong Bekok sa-tiap pagi dan pētang, supaya dapat saya mēndēngar ungka mēndayu di-punchak gunong itu, supaya dapat saya mēnghidu harum-nya

bunga antoi yang sangat wangi, bunga asli dari hutan rimba raya nĕgara kita, supaya dapat saya mandi di-pinggir ayer tĕrjun di-sungai Kĕmidak yang sangat dingin ayer-nya itu dan kalau saya bĕrasa dahaga di-waktu tĕngah hari akan dapat-lah saya mĕminum ayer di-sungai itu dĕngan ta'payah di-buboh ayer batu lagi kĕrana sĕjok-nya sudah chukup untok mĕnyĕgarkan badan.

Ah kakanda, bĕrtĕrus-tĕrang bĕnar nampak-nya diri-ku ini. Malu juga rasa-nya hati tĕtapi apa boleh buat, ta'dapat lagi adinda hĕndak mĕnahan pĕrasaan hati, mudah-mudahan surat ini dapat timbangan yang saksama daripada kakanda. Biar-lah kakanda mĕngutoki adinda, biar-lah kakanda mĕmbĕnchi diri adinda tiada-lah adinda kira, kĕrana maksud adinda hanya satu jua ia-itu mĕnyampaikan hasrat hati-ku kapada kakanda. Mudah-mudahan dĕngan sampai-nya surat ini kapada kakanda akan tĕrubat-lah hati-ku yang sĕdang mĕnanggong duka nĕstapa ini.

Yang kĕsunyian,
'Azian Kamal

Dĕmikian-lah bunyi-nya surat 'Azian itu yang tĕlah ku-tĕrima dari sa-orang daripada orang, kampung Kĕmidak yang baharu balek dari Bekok kĕrana mĕmbĕli barang. Saya jadi sĕrba salah hĕndak mĕnjawab surat-nya itu; jika saya jawab sudah tĕntu saya akan bĕrtĕrus-tĕrang mĕnĕrangkan kapada-nya bahawa chinta-nya kapada saya tidak saya sambut: 'ibarat bĕrtĕpok dia hanya sa-bĕlah tangan, tĕntu ta'kan bĕrbunyi; dĕngan itu sudah tĕntu akan mĕnambahkan lagi dukachita-nya. Jika tidak di-jawab pula, saya bimbang dia tĕrtunggu;.....akan jawapan surat-nya itu daripada saya.

Tĕtapi sa-tĕlah lama saya mĕnong-mĕnongkan baharu-lah dapat saya mĕngambil kĕputusan ia-itu buat sĕmĕntara ini surat-nya itu memang tidak akan saya jawab sĕbab saya ta'hĕndak mĕnambahkan lagi dukachita hati-nya.

BAB IV

HUJAN DARAH DI-KĒMIDAK

Tĕlah hampir sa-tahun saya diam di-Kĕmidak; oleh sĕbab tĕlah sa-kian lama saya tinggal di-sana jadi diri saya tĕlah bĕr-sĕsuaian bĕnar dĕngan hal pĕnghidupan di-kampong itu. Saya sa-olah₂ tĕlah lupa akan hal kĕhidupan di-bandar₂; tĕtapi mĕnurut chĕrita₂ mulut orang yang sampai kapada saya pada masa pĕrang ini baik bandar atau kampong sama sahaja.

Dalam hal makanan lĕbeh sĕnang di-kampong apa-tah lagi di-kampong yang sapĕrti Kĕmidak ini; yang susah di-Kĕmidak ini hanya garam sahaja, orang tĕrpaksa mĕmbĕli garam dĕngan harga yang sangat mahal. Gula sĕnang boleh di-dapati kĕrana tĕbu banyak; tĕbu itu di-kilang di-jadikan **ayer nira**, daripada ayer nira di-masak di-jadikan gula.

Ikan pun sĕnang juga di-sini; di-dalam sungai Kĕmidak banyak ikan — ikan itu boleh di-tangkap dĕngan di-jala atau pun di-pasang lukah. Lain₂ makanan pun sĕnang juga; bĕras tidak susah kĕrana Kĕmidak memang tĕmpat padi: ubi kayu, kĕledek, kĕladi jagong pun sĕnang juga asakan rajin mĕnanam. Tĕlor₂ ayam dan itek pun sĕnang juga sĕbab orang Kĕmidak banyak mĕ-mĕlihara ayam itek. Sa-lain daripada itu binatang₂ hutan sapĕrti kijang, pĕlandok dan ayam hutan pun boleh juga di-dapati dĕngan di-buat pĕrangkap atau pun di-pasang jĕrat.

Lagi satu kĕsĕnangan-nya, kampong itu sa-olah₂ sapĕrti sa-buah nĕgara yang mĕrdeka, tiada siapa pun yang mĕngganggu. Di-sana ada kĕtua kampong, imam, bilal dan guru. Pĕnduduk₂ kampong sakalian-nya ta'at mĕnurut pĕrentah kĕtua₂-nya itu. 'Askar-'askar Jĕpun memang ta'pĕrnah sampai ka-kampong ini; mĕreka sa-olah₂ tidak tahu ada kampong di-sini atau memang mĕreka tidak bĕrhajat hĕndak datang sĕbab sangat jauh masok ka-dalam hutan. Bangsa yang lain daripada Mĕlayu pun me-

mang ta'ada yang tinggal di-sini. Sēbab itu boleh-lah saya katakan bahawa kampong ini sa-buah kampong Mēlayu yang mēdeka tētapi sayang-nya ra'ayat kampong ini tidak bērsēnjata.


Pada suatu malam — waktu itu baharu sahaja habis musim mēnuai di-kampong Kēmidak — sēdang saya tidor lena ia-itu lēbeh kurang pukul 12 malam saya tērkējut dari tidor. Saya tēringat akan diri saya bēlum sēmbahyang 'Isha, lalu saya bangun dēngan hanya mēmakai sa-hēlai kain dan sa-hēlai baju dalam pērgi ka-sungai yang jauh-nya lēbeh kurang suku batu dari rumah Tuan Haji Yusof tēmpat saya mēnumpang itu kērana hēndak mēngambil ayer sēmbahyang.

Malam itu bulan sangat tērang, bintang₂ pun banyak bērtaboran tērkēlip₂ di-angkasa biru; bulan dan binatang₂ itu sa-olah₂ sama hēndak mēnyaksikan satu pēristiwa yang sangat mēnyēdehkan yang akan bērlaku di-kampong Kēmidak pada malam itu.

Oleh sēbab saya rasa hawa malam itu panas sadikit jadi sa-bēlum saya mēngambil ayer sēmbahyang saya mandi. Ayer sungai itu chetek dan pasir-nya puteh dan bērseh, saya dudok bērēndam di-dalam ayer itu sambil mēnggosok₂ badan. Sēdang saya mandi itu tiba₂ tērnampak-lah oleh saya tidak bērapa jauh di-sabērang sungai itu bēbērapa lēmbaga manusia sēdang bērjalan dēngan tērgēsā₂. Mēreka nampak-nya ada mēmikul sēnjata, gaya₂-nya sapērti sēnapang.

Saya tērkējut mēlihat orang₂ itu, saya shak boleh jadi 'askar₂ Jēpun datang hēndak mēngachau di-tēmpat itu. Saya naik pērlahan₂ ka-tēbing sungai mēmakai kain dan baju. Kēmudian saya bērsēmbunyi di-balek pokok₂ kayu di-tēpi sungai itu, mēmērhatakan apa-kah tujuan orang₂ itu datang pada waktu malam buta ini.

Dēngan sa-kējap itu jua saya tērdēngar bunyi bēbērapa lē-tupan sapērti bunyi sēnapang dan suara orang mēnjērit mēminta



..... rumah₂ di-kampung itu terbakar.

tolong daripada beberapa buah rumah di-dalam kampung itu. Kemudian di-dalam sa-sa'at itu jua kelihatan-lah rumah₂ di-kampung itu terbakar, api-nya menjulat ka-udara menerangi seluruh kampung itu. Saya terkejut, tergamam ta'tahu apa yang hendak di-buat, kemudian saya mengucapkan astaghafar menyebut nama Allah; sa-telah hati saya tenang kembali, saya pun segera berjalan dengan perlahan₂ menuju ka-rumah Tuan Haji Yusof dengan niat hendak mengkejutkan orang tua itu dengan anak isteri-nya kerana mema'alumkan peristiwa yang telah terjadi..... tetapi ya Allah ! baharu sahaja saya hendak sampai dekat rumah itu saya lihat beberapa orang yang bersenjata telah menggempok rumah orang tua itu. Saya segera merembahkan diri saya berlindung di-balek sa-rumpun pokok pisang memerhatikan hal yang sedang berlaku itu. Saya lihat orang₂ yang bersenjata itu mengikat tangan Tuan Haji Yusof dan isteri-nya dan menyeret kedua-nya berserta dengan anak₂ mereka yang masih kecil turun ka-tanah. Lepas itu orang₂ itu mengeluarkan guni₂ padi daripada rumah itu serta juga lain₂ barang yang ada umpama kain baju dan pinggan-mangkok ; kemudian rumah itu dibakar oleh mereka.

Haji Yusof dan isteri-nya berserta dengan anak₂-nya telah di-tembak oleh orang₂ itu dan mati di-situ jua.

Sekarang baharu-lah saya tahu bahawa yang datang itu ialah perompak₂; bukan-nya askar₂ Jepun bagaimana tekaan saya yang mula₂. Mereka telah menggempok semua rumah orang di-dalam kampung Kemidak itu dan mengambil padi serta barang₂ kepunyaan orang kampung itu. Orang₂ kampung itu termasuk kanak₂ yang sechil sekali pun semua-nya telah di-bunuh oleh mereka. Saya mendengar dengan telinga saya sendiri, suara jeritan daripada orang laki₂, perempuan dan kanak₂ yang tiada berdosa, yang telah di-ambil nyawa mereka dengan chara yang amat kejam sekali.

Sa-ramai 70 nyawa di-dalam kampong Kēmidak itu yang tēlah mēlayang; mēreka tidak bērsēnjata dan tidak pun bērjaga, kērana kēsēlamatan kampong mēreka. Mēreka tiada mēnaroh shak sadikit pun bahawa orang, yang ganas akan mēnchuba mēngachau mēreka walau pun mēreka tiada mēlakukan kēsalahan. Dēngan sēbab itu mēreka tēlah mēnjadi nafsu kēbinatangan daripada pērompak, itu.

Tragedy yang tēlah bērlaku ini ia-lah di-dalam masa lēbeh sadikit satu jam. Lēpas itu apabila saya lihat pērompak, itu tēlah mēninggalkan tēmpat itu, saya pun kēluar pērlahan, daripada tēmpat pērsēmbunyian saya lalu pērgi mēlihat bēkas, rumah yang tēlah di-bakar oleh pērompak, itu. Dēngan pērtolongan cahaya bulan saya lihat bērhampiran dēngan tiap, buah bēkas rumah itu, mayat, bērkaparan dan di-antara-nya yang paling mēnyēdehkan hati saya ia-lah mayat kanak, yang di-antara-nya pula kanak, itu mēnjadi murid saya. Saya mēnangis, hati saya tidak tērtahan mēngēnangkan pēristiwa itu. Saya bērtanya kepada Ilahi. "Oh Tuhan, mēngapa-kah hanya aku sa-orang sahaja di-antara mēreka yang di-bēnarkan hidup lagi, ambil-lah nyawa-ku jua supaya aku pun mati bērsama, dēngan orang kampong Kēmidak ini."

"Oh gunung Bekok yang ku-kaschi, ēngkau-lah yang mēnjadi saksi bahawa 70 orang kampong Kēmidak ini tēlah mēnjadi korban kēganasan manusia yang tiada bērbudi. Ēngkau lihat-lah mayat bērkaparan, tiada siapa yang hēndak mēngēbumikan-nya. Ini-lah bahaya-nya hidup orang, yang tiada bērsēnjata — bērsēnjata bukan-nya untok mēlakukan kēchurangan — tētapi ia-lah bērsēnjata untok mēmpērtahankan diri daripada kēdzuliman. Aku do'akan mudah-mudahan roh daripada 70 orang kampong Kēmidak yang tēlah tērkorban itu akan di-masokkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala ka-dalam ahli janah."

Demikian-lah bunyi-nya suara saya mērayu pērlahan₂.....
mēngadukan hal yang tēlah tējadi itu kapada Ilahi. Dia-lah
yang maha mēngētahui mēngapa pēndudok₂ kampong yang
aman damai itu tērhapus sama sēkali daripada muka bumi ini.
Dia-lah juga yang chukup tahu mēngapa kampong yang subor
dan ma'amor itu di-jadikan-nya hutan kēmbali, sēbab pun saya
katakan bagitu, memang tiada siapa pun yang bērani lagi ting-
gal di-kampong Kēmidak itu sa-tēlah kējadian yang sangat mē-
nyēdehkan itu bērlaku.

Di-dalam 'ashek saya di-lambong oleh bērbagai₂ fikiran itu
maka tērpandang-lah oleh saya bērbalam₂ dua orang daripada
pērompak₂ itu bērjalan di-hadapan saya. Rupa₂-nya mēreka
bēlum habis pērgi lagi, maseh ada lagi orang₂-nya bērkawal di-
kampong itu kērana maseh banyak lagi barang₂ rampasan mē-
reka yang bēlum di-punggah lagi.

Kēdua₂ pērompak itu nampak-nya bērjalan mēnghala ka-
pada saya, saya pun sēgēra bērsēmbunyi ; hati saya bērdēbar₂...
hēndak lari ta'boleh lagi sēbab pērompak itu tēlah hampir bēnar.
Jadi saya hanya mēndiamkan diri sahaja sambil bērsēdia untok
mēnēntang mēreka, jika mēreka nampak akan saya yang sē-
dang bērsēmbunyi itu. Saya tahu jika saya tidak mēlawan pun
saya tēntu akan di-bunoh-nya sēbab itu saya tēlah mēngambil
kēputusan biar-lah saya mati mēlawan walau pun dēngan buku
lima sahaja kērana sa-bēnar-nya saya memang tidak mēmpunyai
apa₂ sēnjata.

Tētapi dēngan takdir Allah, kēdua-nya tiada jadi bērjalan
mēnuju ka-tēmpat saya bērsēmbunyi. Mēreka tēlah bērbelok
ka-tēmpat lain. Apabila kēdua-nya tēlah jauh daripada tēmpat
saya bērsēmbunyi saya pun bērjalan-lah mēninggalkan tēmpat
itu. Saya tēlah bērniat hēndak kēluar daripada kampong Kē-
midak pada malam itu juga, sēbab saya fikir diri saya tidak akan
sēlamat jika bērada lēbeh lama di-kampong itu.

Hëndak mēninggalkan kampung Kēmidak itu dēngan tērgēsā, bukan-nya bērcerti saya takut mati; tētapi ia-lah kērana saya hëndak mēmbawa bērita yang tēlah bērlaku di-Kēmidak itu untok pēngētahuan kaum kērabat orang, yang tēlah mati mēnjadi korban pērompak, itu. Jika tidak tēntu-lah mēreka akan kēhairanan mēngapa pēndudok, kampung Kēmidak itu hilang bagitu sahaja, ta'tahu hidup mati-nya.

Sa-tēlah jab-lah fikiran saya, maka saya pun bērjalan-lah mēnghilir sungai Kēmidak. Pada mula-nya saya hëndak mēngikut jalan biasa kērana kēmbali ka-Bekok tētapi oleh sēbab saya fikirkan jalan itu mērbahaya sēbab pērompak, itu memang tēlah sēdia tahu akan jalan itu dan tēntu-lah orang, nya tēlah bērkawal mēnjaga jalan itu maka tiada-lah jadi saya mēngikut jalan biasa itu.

Sa-bēlum saya mēninggalkan Kēmidak saya pandang-lah sa-kali lagi kampung itu dēngan pērasaan yang sayu. Sēluruh kampung itu nampak bērbalam di-malam kēlam, di-sinari cahaya bulan yang di-lindongi mega; nampak-nya sapērti orang yang sēdang bērsogol.....kērana kēhilangan putēra putēri-nya yang sangat di-kasehi-nya.

Sa-tēdah puas saya mēnatap-nya maka saya tinggalkan-lah kampung yang pēnoh dēngan riwayat itu dēngan bērsha'er di-dalam hati sapērti di-bawah ini :

Sēlamat tinggal wahai Kēmidak
Saya pērgi, kēmbali tidak
Ilahi rabbi punya kēhëndak
Tiada siapa dapat mēngelak.

Sawah dan ladang tinggal-lah tuan
Gunong yang tinggi di-saput awan
Ayer tērjun bērdēru-dēruan
Jangan-lah kamu bērhati rawan.

Bumi yang hijau terhampar bĕntang
Di-sinari cahaya bulan dan bintang
Jasad yang kaku tolong-lah tatang
Beta ta'dapat lagi mĕnĕntang.

Beta pĕrgi mĕmbawa diri
Mĕmbawa roh jasad sĕndiri
Mĕmbawa nasib di-hutan duri
Salam pĕrpisahān ini ku-bĕri.

Wahai antoi, kachung, sĕri mambang
Bĕrbunga-lah dĕngan sĕgar dan kĕmbang
Bĕrdiri-lah ĕngkau umpama lambang
Di-tĕngah pusara mĕnjadi jambang.

Kalau antoi sĕdang bĕrkĕmbang
Sĕrta juga, kachung, sĕri mambang
Jāngan-lah datang wahai kumbang
Tunggu dahulu bulan mĕngambang.

Biarkan bunga mĕngharum pusara
Biarkan jadi pĕnglipor lara
Luroh bĕrtaboran, bĕrchĕmpĕra
Mĕnghiborkan jasad duka sĕngsara.

BAB V.

KARANGAN BUNGA ANTOI

Hari yang pertama :

Sa-tĕlah hampir satu jam lama-nya saya bĕrjalan mĕraba, di-dalam gĕlap dĕngan tĕrsangat sukar-nya mĕnghala ka-hilir sungai Kĕmidak, maka saya pun bĕrhĕnti-lah di-tĕpi sungai itu kĕrana mĕnantikan hari siang supaya sĕnang saya bĕrjalan.

Saya dudok di-atas sa-batang kayu yang tumbang di-tĕpi sungai itu, kĕmudian oleh sĕbab saya mĕrasa tĕrlalu lĕteh maka saya pun baring-lah di-atas batang itu lalu tĕrtidor dĕngan nyĕnyak-nya.

Apakala matahari tĕlah mĕmanchar pada kĕsokan hari-nya baharu-lah saya tĕrjaga daripada tidor, kĕrana muka saya tĕlah tĕrasa hangat sĕbab di-panchar oleh chahaya matahari pagi itu ; tiba, bila saya mĕmbuka mata, saya lihat sa-ekor ular yang bĕsar badan-nya lĕbeh kurang sa-bĕsar lĕngan saya tĕlah sĕdia mĕnjĕngolkan kĕpala-nya di-tĕpi batang tĕmpat saya tidor itu sa-olah, hĕndak mĕmagut saya.

Saya pun sĕgĕra bingkas dan mĕnchapai sa-tual kayu yang kĕbĕtulan ada ta'bĕrapa jauh daripada tĕmpat itu lalu saya pukulkan kapada ular itu. Ular itu mĕlawan dan mĕluru saya ; kĕmudian saya pukul lagi kĕna kĕpala-nya. Oleh sĕbab kuat bĕnar pukulan saya itu ia pun bĕrgulong, lalu mati di-situ juga. Saya mĕnguchap astaghafar mĕnyĕbut nama Tuhan, kĕrana bĕrshukor tĕrlĕpas daripada bahaya itu. Kalau saya di-patok oleh ular itu saya pĕrchaya nyawa saya tidak akan sĕlamat sĕbab nampak-nya ular itu ia-lah daripada jĕnis ular yang bisa.

Sa-lĕpas daripada kĕjadian itu, saya pun bĕrjalan-lah lagi dĕngan bĕrpĕdomankan sungai Kĕmidak mĕnghala ka-hilir ;

maksud perjalanan saya ia-lah saya hendak pergi ka-sungai Bekok sebab saya tahu sungai Kēmidak itu satu daripada chawangan sungai Bekok. erti-nya kalau saya mēnghilir sungai Kēmidak akhir-nya saya akan sampai ka-sungai Bekok daripada sana saya boleh-lah sampai ka-bandar Bekok balek ka-rumah Pa' Chik Kamal.

Berjalan di-dalam rimba itu sangat-lah susah, jalan ta'ada saya berjalan ia-lah dengan mēlalui di-chēlah anak, kayu, chēlah, onak dan duri dan juga di-chēlah, akar kayu yang bērselirat di-dalam hutan itu. Sa-lain daripada kesusahan perjalanan itu, ada pula yang di-bimbangkan ia-itu binatang, buas dan juga pērompak, sebab saya tēlah mula tēr-jumpa dengan kēsān, tapak kaki harimau dan juga bunyi suara orang bērsahut-sahatan. Saya pērchaya suara itu ia-lah suara pērompak, mēmanggil kawan-nya.

Apabila tēlah sampai waktu tēngah hari pērut saya pun tērasa-lah lapar. Memang dari pagi saya tidak makan apa, mē-lainkan hanya berjalan sahaja dengan sa-kuat tēnaga, kērana sa-bēnar-nya memang ta'ada apa bēnda yang hendak di-makan di-dalam hutan itu. Makin lama pērut saya sa-makin lapar, badan tēlah mula lēteh : saya pērhentikan buah, kayu di-kiri kanan saya di-dalam hutan itu ta'ada yang boleh di-jadikan makanan untok mēnyēgarkan sedikit badan saya.

Akhir-nya sa-tēlah badan saya hampir tiada bērdaya lagi hendak berjalan, baharu-lah saya tērnampak akan sa-batang pohon rokam yang bērbuah dengan lēbat-nya dan sēdang masak ranum. Pokok rokam itu tinggi dan bērduri. Saya hanya mēngambil dan mēmakan buah-nya daripada dahan-nya yang mēlēmpai ka-bawah yang dapat di-chapai dengan tangan. Sa-tēlah kēnyang saya mēmakan buah rokam saya turun ka-sungai Kēmidak dan mēminum ayer-nya yang dingin itu.

Lēpas itu saya mēngambil lagi buah rokam itu kērana bē-

kalan bagi saya mēnēruskan pěrjalanān saya mēnyusor tēbing sungai Kēmidak itu ka-hilir.

Sa-tēlah hari hampir sēnja saya tiada bērjumpa dēngan sa-orang manusia pun di-dalam hutan itu; binatang, buas pun ta' ada juga, yang ada hanya kēra, lotong, ungka, burong, dan babi hutan. Sa-lain daripada itu agas tērlalu banyak dan sangat mēnyusahkan saya. Malam itu saya tidor di-chēlah banir sabatang kayu yang bēsar kērana ta'sanggup hēndak bērjalan pada waktu malam sēbab sa-lain daripada gēlap di-dalam hutan itu, badan saya ta'bērdaya lagi hēndak mēnēruskan pěrjalanān itu dēngan tiada bērehat.....mana pēnat bērjalan, mana lēteh ta' makan; sa-hari-an itu saya hanya mēmakan buah rokam dan mēminum ayer sējok sahaja.

Hari yang kēdua :

Pada hari yang kēdua dalam pěrjalanān saya ini saya tiada bērjumpa dēngan apa, mērbahaya. Pada hari ini saya tēlah bērjumpa bēbērapa batang tampoi yang sēdang bērbuah dan ada di-antara-nya yang tēlah masak. Pokok tampoi itu saya panjat dan saya ambil buah-nya : itu-lah sahaja yang jadi makanan saya pada hari yang kēdua saya bērada di-dalam hutan ini.

Sungguh pun saya dapat mēmakan buah tampoi tētapi badan saya makin bērtambah lēteh jua sēbab sudah dua hari tiada bērjumpa nasi.

Hari yang kētiga :

Pada pagi hari yang kētiga di-dalam pěrjalanān saya ini saya bērasa sangat lēteh sēbab tēlah tiga hari tidak makan nasi. sa-lain daripada itu saya tēlah kēna pēnyakit sēlsēma kērana di-sērang hawa dingin dan di-timpa oleh hujan. Saya sungguh bērasa dukachita mēmikirkan hal diri saya adakah saya akan sēlamat sampai ka-Bekok atau tidak, sēdang

përjalanan sangat jauh lagi kërana bërbelit, mēngikut sungai itu; hēndak mēmotong ikut jalan lain saya takut sēsat sahaja di-dalam hutan itu akhir-nya saya ta'boleh sampai ka-tēmpat yang di-tuju.

Walau pun badan saya tērsangat lēteh sa-olah, tidak bër-maya lagi, saya bawa juga bërjalan mēnyusor sungai itu ka-hilir. Sa-tēlah sampai waktu dzuhor badan saya makin bērtambah lēteh, tiada bērdaya lagi hēndak bërjalan, akhir-nya saya baring di-pangkal sa-pohon kayu, kēmudian saya tērtidor dēngan nyēdar-nya di-situ. Saya tēlah tērjaga daripada tidor bila sa-orang Sakai mēngējutkan saya. Saya tērpēranjat dan bangun tērpinga, saya fikir orang itu ia-lah sa-orang daripada pērompak, yang tēlah mēmbunoh orang, di-Kēmidak itu. Orang Sakai yang mēngējutkan saya itu ada mēmbawa sa-bilah parang dan sa-batang buloh sumpitan dan tēmpat anak damak tērikat di-pinggang-nya sa-bēlah bēlakang.

"Saya tengok awak sapērti orang yang di-dalam kēsusahan, itu-lah sēbab-nya saya kējutkan awak ; barangkali ada pērkaranya yang boleh saya mēnolong awak" Kata-nya kapada saya bila mēlihat saya bangun daripada tidor.

"Tērima kaseh wa', saya ini bētul di-dalam kēsusahan. Saya datang daripada kampong Kēmidak. Orang, Kēmidak sē-mua-nya sudah habis di-bunoh oleh pērompak, tinggal saya sa-orang sahaja yang hidup" Kata saya mējawab pērkataan orang Sakai itu. Sēbab pun saya mēmanggil dia dēngan wa' kërana mēlihatkan 'umor-nya tēlah agak tua lēbeh kurang 50 tahun barangkali.

"Bētul-kah bagitu, saya pun ada kēnal dēngan sa-tēngah, daripada orang Kēmidak itu. Ada sa-orang sahabat baik saya yang biasa bēnar bērbual, dēngan saya jika saya bërjumpa dia di-Bekok, nama-nya Tuan Haji Yusof. Ada-kah dia juga tērbunoh di-tangan pērompak sapērti yang awak katakan tadi?" Dia bērtanya.

“Tuan Haji Yusof ia-lah bapa angkat saya. Saya diam di-rumah-nya di-waktu saya bĕrada di-Kĕmidak. Dia suami istĕri dan anak₂-nya sĕmua-nya tĕlah di-bunoh oleh pĕrompak₂ itu” Jawab saya. Kĕmudian saya chĕritakan hal yang tĕlah bĕrlaku di-Kĕmidak itu daripada awal hingga akhir-nya dan juga hal diri saya, sĕbab₂ saya bĕrada di-Kĕmidak itu dan ka-mana tujuan saya bĕrjalan di-dalam hutan itu.

“Sungguh kasihan saya mĕndĕngarkan nasib orang Kĕmidak!” Kata-nya sa-tĕlah mĕndĕngar chĕrita saya “Kalau bagitu.....mari-lah awak singgah ka-tĕmpat saya dahulu. Saya ia-lah orang Hulu dudok di-kampung Temelan. Nama saya Riun, saya-lah yang jadi batin di-kampung Temelan itu. dĕngan sĕbab itu saya di-panggil oleh anak buah saya dĕngan nama Batin Riun. Di-kampung Temelan ada lĕbeh kurang 100 orang Hulu. Sĕkarang musim buah-an di-dalam hutan ini: tampoi, durian, rambai dan lain₂-nya sangat banyak di-hutan₂ yang bĕrhampiran dĕngan kampung kami. Mari-lah ikut saya, nanti awak boleh dapat makan buah-buahan dan lain₂ makanan jua” Kata-nya lagi sambil mĕngajak saya bĕrjalan pĕrgi ka-kampung-nya.

“Saya bĕrasal dari hulu Ēndau, sudah lama saya bĕrpindah ka-Temelan ini ikut jalan di-dalam hutan.....dan sudah biasa dĕngan orang Bekok. Barangkali awak bĕlum kĕnalkan saya tĕtapi bapa angkat awak **Allah yarham Tuan Haji Yusof** itu chukup kĕnal akan saya” Dia bĕrkata₂ lagi di-dalam masa kami bĕrjalan itu. Badan saya pun bĕrasa sĕgar sadikit sĕbab dapat kawan itu.

“Kami orang₂ Hulu ini sĕlalu di-panggil oleh orang₂ Mĕlayu ia-lah dĕngan panggilan Sakai, tĕtapi awak patut tahu kami tidak suka di-panggil Sakai. Orang₂ Mĕlayu ada di-antara-nya yang tidak suka bĕrchampur dĕngan kami kĕrana kami tidak sa-ugama dĕngan mĕreka” Orang tua Sakai itu bĕrkata lagi.

“Oh tidak-kah wa’ dan orang Hulu sakalian-nya suka mē-
mēlok ugama Islam?” Tanya saya pula.

“Suka juga, tētapi ada dua pērkarā yang mēnjadikan susah
sadikit bagi kami ia-itu yang pērtama ia-lah kami takut hēndak
bērsunat (bērkhatan) yang kēdua ia-lah kami susah ta’boleh
makan binatang, hutan sapērti kēra, lotong, babi hutan dan sa-
bagai-nya” Jawab-nya.

“Bērsunat itu pērkarā yang bukan-nya bagitu bēsar wa’,
masok-lah dahulu ugama Islam kēmudian pērlahan, kita boleh
bērsunat, tēntang makan binatang, hutan pun sēnang juga. Kita
boleh makan daging rusa, kijang, pēlandok, ayam dēnak, bakok,
burong punai dan lain-nya sa-bagai ganti kēra, lotong dan babi
hutan itu.” Jawab saya mēnchuba mēnarek dia supaya suka mē-
mēlok ugama Islam.

Di-dalam kami bērbual, itu kami sampai ka-tēpi sa-buah
sungai. Saya bērtanya kapada Batin Riun “Sungai apa nama-
nya ini wa,’ ada-kah sungai Kēmidak juga?”

“Bukan,” Kata-nya “Ini-lah hulu sungai Bekok.....kita
tēlah bērhampiran dēngan kampung Temelan tēmpat kami.
Awak tahu sungai Bekok mēngalir sampai ka-sungai Batu Pahat
dari sana mēngalir pula sampai ka-Sēlat Mēlaka.”

“Ya saya sudah tahu. Saya sudah bēlajar ‘Ilmu ‘Alam di-
sēkolah dahulu bagitu” Jawab saya.

Di-dalam kami bērchakap, itu saya tērdēngar bunyi suara
orang, pērēmpuan mēnyanyi dēngan sangat mērdū bunyi-nya.

“Itu suara budak, di-kampung saya mēnyanyi sambil mandi,
di-sungai itu. Anak saya Si-Kuntum pun tēntu ada sama di-situ.
Kasehan budak itu, ēmak-nya sudah lama mēninggal dunia, itu-
lah sahaja sa-orang anak saya. Orang, kampung ini sangat
sayang akan dia sēbab dia budak yang baik.” Batin Riun bēr-

kata, bila mendengar suara budak, perempuan menyanyi itu. "Chuba awak dengar bunyi pantun yang di-nyanyikan oleh budak itu." Kata orang tua itu lagi sambil mengajak saya berhenti se-ketap kerana mendengar nyanyian anak gadis Sakai itu :

Chuchok lokan, panggang lokan
Lokan terkempit ketam kemudi
Daging bukan, saudara bukan
Tuan tersesit kerana budi.

Gunong Bekok tidak berchabang
Nampak dari Johor Lama
Hati bengkok, lidah berchabang
Manakan boleh hidup bersama.

Kuala Selangor ayer-nya keroh
Tempat raja membasoh tangan
Hurai rambut menyapu peloh
Hati di-dalam bersenang jangan.

Bagitu-lah bunyi tiga rangkap pantun yang jelas kedengaran oleh saya. Saya termenong se-bentar kerana memikirkan pantun yang sangat dalam erti-nya itu. "Nampak-nya orang Sakai ini pun pandai juga berpantun" Demikian saya berfikir di-dalam hati.

"Yang menyanyi lagu Lokan itu ia-lah anak saya nama-nya Kuntum ; mari kita pergi berjumpa dia" Kata orang tua Sakai itu mengajak saya pergi ka-t tepi sungai berjumpa dengan gadis yang sedang mandi bersuka itu.

Apabila sampai saya lihat kebanyakan anak gadis itu ada memakai kalong bunga yang menurut keterangan Batin Riun



.....saya lihat kebanyakan anak gadis itu ada memakai kalong bunga.....

karangan bunga itu bernama "Karangan bunga antoi."

Sakalian anak gadis itu terdiam melihat kami datang. Batin Riun telah berchakap₂ kepada mereka itu di-dalam bahasa yang saya tidak mengerti. Lepas itu datang-lah Kuntum anak gadis Batin Riun itu **měnyěrahkan satu karangan bunga antoi kepada saya.** Kata Batin Riun kepada saya, sudah měnjadi 'adat di-kampung itu barang siapa orang₂ yang baharu datang ka-kampung itu di-hadiahkan karangan bunga antoi sa-bagai měnguchapkan sělamat datang.

Karangan bunga yang di-hadiahkan oleh Si-Kuntum itu saya terima děngan měnguchapkan sa-tinggi₂ terima kaseh kěmudian saya kalongkan ka-leher saya, sangat harum bau-nya, badan saya yang tělah lěteh itu měnjadi sěgar sadikit.

Kěmudian saya pun běrjalan dari situ běrsama₂ Batin Riun měnuju ka-rumah-nya. Saya lihat ramai orang₂ Sakai di-kampung itu měměrhatikan saya datang; bila Batin Riun běr-chakap₂ děngan měreka di-dalam bahasa Sakai, měreka datang měndapatkan saya dan měnundokkan kěpala-nya měmběri hor-mat. Ada di-antara-nya yang měnghadiahkan lagi karangan bunga antoi kepada saya.

Apabila saya sampai ka-rumah Batin Riun saya di-jamu-nya děngan buah-buahan ia-itu durian, tampoi, rambai yang di-dapati-nya di-dalam hutan ta'jauh daripada kampung Temelan itu. Sa-tělah itu di-angkatkan-nya rěbus ubi děngan ikan kěring yang tělah běr-bakar; ikan kěring itu ia-lah ikan yang tělah di-tangkap měreka di-dalam sungai di-Hulu Bekok itu.

"Apa-kah makanan orang₂ di-sini wa', orang kita Mělayu makan nasi tětapi orang₂ Hulu ada-kah makan nasi jua?" Saya běr tanya kepada Batin Riun.

"Makanan orang₂ di-sini yang těrutama sěkali ia-lah ubi kayu; kalau dapat nasi boleh juga jadi makanan, tětapi sěkarang

masa perang beras sangat susah. Jadi kami boleh memakan ubi kayu sahaja-lah” Jawab Batin Riun pula.

“Saya tengok orang di-kampong ini sehat, belaka. Saya ada mendengar orang bercerita jika hidup dengan memakan ubi kayu sahaja nanti kena penyakit biri.” Kata saya pula.

“Makanan kami banyak camporan-nya, bukan sa-mata, ubi kayu. Kami banyak memakan sayuran umpama kacang panjang, bayam, bendi dan lain-nya yang di-tanam sendiri. Sa-lain daripada itu kami memakan ikan hidup yang dapat ditangkap di-dalam sungai Bekok ini dan juga kami memakan telur ayam dan itek yang kami sendiri pelihara. Kalau dapat binatang perburuan umpama rusa, babi, pelandok dan lain-nya itu juga menjadi makanan yang lazat bagi kami di-sini. Jadi dengan sebab banyak jenis makanan kami itu tiada-lah mudah kami kena penyakit, seperti yang awak chakapkan tadi” Jawab Batin Riun.

“Oh begitu!” Kata saya dengan menganggokkan kepala “Sebab pun saya berkata begitu ia-lah kerana masa ini beras susah, banyak orang yang kena penyakit biri.....dan lain, penyakit jua” Jawab saya pula.

BAB VI

BĒRKHIDMAT LAGI KAPADA BAHASA DAN UGAMA

Kampong Temelan tĕmpat orang Sakai itu ia-lah sa-buah kampong kĕchil dudok-nya di-tĕpi hutan ta'bĕrapa jauh dari kaki gunung Bekok sapĕrti kampong Kĕmidak. Di-kampong itu ada lĕbeh kurang 40 buah pondok, kĕchil tĕmpat orang itu tinggal; di-sana-lah orang, Sakai itu hidup dĕngan bĕrchuchok tanam dan mĕmburu binatang. Ada juga di-antara-nya yang mĕmbĕla binatang hidupan.

Pada hari mula, saya bĕrada di-kampong orang Sakai itu hati saya bĕrasa runsing juga, kĕrana ta'ada apa pĕrkara yang boleh mĕnyukakan hati. Saya hanya ingin hĕndak sĕgĕra kĕluar daripada kampong itu balek ka-Bekok kĕrana mĕmbĕritahu akan hal yang tĕlah bĕrlaku di-Kĕmidak itu. Tĕtapi apabila saya fikir-fikirkan kĕmudian, apa-tah guna-nya saya mĕsti mĕnyampaikan bĕrita kĕjadian di-Kĕmidak itu sĕbab walau bagaimana pun hal itu tĕntu di-kĕtahui juga oleh pehak yang bĕrkuasa tĕntĕra Jĕpun yang bĕrada di-Bekok itu, dĕngan itu akan mĕnyusahkan saya pula mĕnjadi pandu bagi mĕnunjokkan jalan mĕreka untok mĕmusnahkan pĕrompak, yang mĕlakukan angkara di-Kĕmidak itu.

Oleh sĕbab saya sĕndiri bĕpĕndirian tidak suka kapada tĕntĕra Jĕpun sama juga sapĕrti saya bĕnchikan pĕrompak, itu, maka saya tĕlah mĕngambil kĕputusan yang diri saya tidak akan balek ka-Bekok. Bagi sĕmĕntara saya mĕnumpang di-rumah Batin Riun di-kampong Temelan itu. Sambil saya dudok di-Temelan itu saya tĕlah bĕrniat akan mĕnĕruskan chita, saya di-atas dua pĕrkara yang bĕsar; yang pĕrtama saya akan bĕrusaha mĕngĕmbangkan bahasa kĕbangsaan (Bahasa Mĕlayu) kapada pĕndudok, Sakai di-kampong Temelan itu dĕngan mĕmbuka darjah bagi kanak, dan darjah bagi orang dewasa, yang kĕdua saya akan bĕrusaha mĕmujok orang, Sakai itu supaya mĕmĕlok

ugama Islam dan juga saya akan mēngēmbangkan ajaran. Islam dēngan chara bēransor, kapada orang, Sakai itu.

Oh, alang-kah tinggi-nya chita, saya, alang-kah mulia-nya pēkerjaan ini kalau sēgala yang di-chita, itu di-sampaikan oleh Tuhan yang maha kuasa? Bukan-kah saya juga akan dapat mēnyēmbahkan dērma bakti-ku kapada bangsa dan nusa? Bukan-kah Ilahi akan mēmbalas kapada aku dēngan pahala yang bērlipat ganda jika sēkira-nya saya dapat mēngislamkan sakalian orang, Sakai yang bērada di-Temelan itu? Oh, saya mēnitekkan ayer mata kēgēmbiraan kērana mēngēnangkan bagai- mana bēsar-nya chita, saya itu dan bērdo'a moga, Allah kabul- kan chita, itu : wahai, apa-kah yang tērlēbeh bērbahagia di-dalam hidup ini sa-lain daripada bērbakti? Sa-saorang manusia akan mērasa puas mēnēmpoh hidup ini jika mēreka tēlah bērbakti kapada Allah dan juga bērbakti kapada sa-sama manusia.

Masa bagi tiap, orang Islam bērjuang mēmajukan ugama- nya di-Sēmēnanjong Tanah Mēlayu ini tēlah tiba ; itu-lah yang mēnginsafkan hati-ku hēndak tinggal tērus di-kampong Temelan itu.....Chuba-lah pērhati bagaimana pēngēmbang, ugama Kēristian bērusaha mēngēmbangkan ugama mēreka di-tanah ayer kita ini sa-hingga di-dalam masa yang singkat sahaja sa- bahagian bēsar daripada pēndudok, Tanah Mēlayu ini yang tērdiri daripada bangsa, yang bukan Mēlayu tēlah tērikut ka- pada ugama itu. Pērēmpuan, China dan India di-nēgēri ini bahkan laki, nya jua nampak-nya mēreka bērasa lēbeh bangga jika mēreka mēmakai rantai leher dēngan ada palang salib tērgantong di-dada-nya.

Sa-tēngah, pēnganjor dan chērdek pandai bangsa kita tidak bērasa bimbang dēngan hal itu sēbab mēreka mēmikirkan jika ramai orang, di-Malaya ini yang ta'at kapada ugama walau apa ugama-nya sēkali pun itu bērerti tēlah mēnghalang fahaman Kominis daripada bērkēmbang biak di-nēgēri ini; tētapi bagi saya tētap mēnēntang fahaman yang saperti itu sēbab jika ugama

Keristian maju di-negeri ini, itu berarti kemundoran Islam, berarti kekalahan orang. Islam di-dalam perjuangan mengembangkan agama. Boleh-kah kita orang. Islam mengangkat kepala dengan bangga di-tanah ayer kita ini jika di-dalam segala lapangan kita mundur? Lihat perskolahan, terlalu banyak sekolah. Convent telah di-dirikan di-negeri ini dengan anjoran badan. pengembang agama Keristian dan kita orang. Islam menghantar anak. kita belajar ka-situ, sebab kita orang. Islam tidak ada menganjorkan sekolah. yang sa-umpama itu. Mengapa-kah sampai bagitu dzaif-nya kita orang. Islam. Saya fikir masa-nya telah sampai bagi tiap. orang Islam di-Tanah Melayu ini berjiwa besar sa-bagaimana besar dan mulia-nya agama Islam itu di-sisi Allah, supaya kita boleh menjadi tuan di-negara kita sendiri.

Ah, sangat jauh sudah fikiran saya melayang di-bawa oleh angin yang sepoi. bahasa menuju ka-pantai chita.

Di-pendekkan kesah-nya saya pun diam-lah di-Temelan itu menumpang di-rumah Batin Riun dan juga mengajar kanak. dan orang dewasa Sakai di-Temelan itu menulis dan membaca. Sa-lain daripada saya chuba menarek mereka itu supaya suka memeluk agama Islam.

Segala kerja yang saya jalankan ini bukan-lah erti-nya saya hendak bermegah. menunjokkan saya sa-orang ahli perjuangan tetapi ia-lah sa-kadar hendak memenuhkan kewajiban saya sa-bagai sa-orang Islam sementara-nya pula masa ini ia-lah masa perang; daripada saya membuang. tenaga dan masa lebih baik-lah saya menyebarkan sedikit derma bakti saya kepada bangsa dan agama. Kalau mithal-nya peperangan tamat, saya akan balek meneruskan pelajaran saya di-bangku sekolah, biar-lah pekerjaan yang mulia di-kampung Temelan itu diteruskan oleh pihak yang bertanggung umpama Jabatan Agama atau pun badan. pengembang agama Islam yang ada di-tanah ayer kita ini.

BAB VII

KEDATANGAN PA' CHIK KAMAL

Hal kejadian yang sangat menyedehkan di-kampung Kēmidak itu walau pun tidak saya chēritakan sēndiri kapada orang, di-bandar Bekok, tētapi hal itu tēlah heboh bēnar di-kētahui oleh orang ramai tērmasok bapa saudara saya Pa' Chik Kamal anak-bēranak. Chērita itu tēlah di-bawa oleh orang, Sakai yang diam di-kampung Temelan ka-Bekok bila mēreka pērgi mēmbēli dan mēnjual barang, di-sana; dan juga chērita tēntang diri saya tēlah bērnasib baik sēlamat daripada mala pēstaka itu.

Apabila bērita itu tēlah heboh, bēbērapa orang warith orang, yang mati di-kampung Kēmidak itu tēlah datang bērjumpa dēngan saya di-Temelan, mēreka hēndak tahu akan hal itu yang sa-bēnar-nya. Sēgala hal yang tēlah bērlaku itu habis saya chēritakan kapada sa-siapa jua yang datang bērtanya kapada saya.

Pada suatu hari sa-tēlah hampir dua minggu saya bērada di-kampung Temelan itu, Pa' Chik Kamal tēlah datang hēndak bērjumpa dēngan saya di-rumah Batin Riun. Kēdatangan-nya tēlah di-sambut oleh Batin Riun dēngan anak-nya Si-Kuntum. Dia tēlah mēnchēritakan kapada saya hal Ma' Chik Sēlamah dan anak-nya 'Azian ada di-dalam sehat.

Sa-tēlah bērchērita akan hal yang tēlah bērlaku di-Kēmidak itu ia-itu tatkala kami bērada bērdua, sahaja di-tēpi sungai kampung Temelan itu kērana hēndak mandi, Pa' Chik Kamal bērkata "Mari-lah ēngkau balek ka-Bekok dahulu Kamaruddin, apa guna mēmbuang, diri di-Temelan ini, bērkawan dēngan Sakai....."

"Tērima kasch atas pēlawaan Pa' Chik itu, tētapi kērja saya di-sini bēlum habis. Batin Riun sudah bērjanji hēndak mēmēlok ugama Islam bērsama, dēngan anak-nya Si-Kuntum. Saya

përchaya ramai lagi orang, Sakai yang diam di-kampung ini yang suka hëndak masok Islam bërsama, dëngan Batin Riun itu. Hal ini akan saya rujo'kan kapada Jabatan Ugama nëgëri ini." Jawab saya.

"Ah, chita, ëngkau sangat tinggi Kamaruddin, tiada tër-bawa oleh badan-mu yang këchil dan 'umor-mu yang maseh mëntah. Aku fikir biar-lah pëkërjaan yang bërata ini di-buat oleh pehak yang bërtaanggung jawab atas-nya umpama pehak Jabatan Ugama atau yang sa-umpama dëngan-nya. Lëbeh baik ëngkau balek sahaja ka-Bekok. Lagi pun aku ada suatu hajat yang bësar kapada-mu, bila ëngkau tëlak balek ka-Bekok këlak boleh-lah aku chëritakan." Kata Pa' Chik Kamal lagi kapada saya.

Saya tërpëgun sa-bëntar mëndëngar përchakapan Pa' Chik Kamal itu, kërana lain bënar bunyi-nya pada pëndëngaran saya. Përkataan-nya yang mëngatakan ada hajat yang bësar kapada saya itu ada-lah umpama sa-butir bom yang di-jatohkan kapada saya, kërana saya tëlak dapat mënangkap ka-mana lari përchakapan-nya itu. Pada fahaman saya tëntu-lah ta'lain ta'bukan përkara itu ada-lah bërhubung dëngan përkara 'Azian juga.

"Apa-kah hajat Pa' Chik itu, chuba nyatakan kapada saya, mudah-mudahan dapat saya mënimbang-nya....." Jawab saya sa-olah, dëngan tiada sëngaja kërana hëndak mënghilangkan gugup saya oleh sëbab mëndëngar përchakapan-nya itu.

"Bagini Kamaruddin, hajat hati-ku hëndak mënayatukan ëngkau dëngan adek-mu 'Azian, kërana nampak-nya dia sëlalu mërindui ëngkau di-kala ëngkau ta'ada sa-lama ini. Aku mën-gërti sëgala tingkah laku-nya tërhadap-mu, sëbab itu aku harap ëngkau jangan mënolak" Jawab Pa' Chik Kamal dëngan suaranya yang amat përlahan, tëtëpi pada përasaan-ku ada-lah sapërti halilintar mëmbeilah bumi. Dëngan këadaan gugup saya mën-jawab "Saya mën-guchapkan ribuan tërima kaseh atas niat

baik Pa' Chik itu tetapi saya pada masa ini belum berhajat hendak kahwin..... saya masih suka tinggal bujang dan bila peperangan tammat saya hendak menyambung sa-mula perskolahan saya. Itu-lah sahaja niat hati saya." Jawab saya dengan perasaan hiba kerana berani berterus-terang menolak permintaan orang yang telah membela saya semenjak dari kecil itu, tetapi apa boleh buat sebab menurutkan kata hati terpaksa juga saya katakan dengan berterus-terang.

".....Tetapi Kamaruddin, tidak-kah engkau kasehan kepada adek-mu 'Azian ; dia sekarang telah menjadi kurus kering kerana menanggung rindu kepada-mu, tidak-kah engkau suka berkorban untuk kebajikan adek-mu itu.....dan jika engkau menerima permintaan-ku ini, sa-bagaimana biasa engkau tetap ku-anggap seperti anak-ku sendiri: Segala harta dan rumah tangga-ku ada-lah akan ku-serahkan menjadi hak kepunyaan-mu berdua. Aku dan Ma' Chik Selamah engkau itu pun sudah tua, kepada engkau berdua-lah tempat kami menggantungkan hidup kami di-masa tua kelak." Jawab Pa' Chik Kamal dengan merayu, suara-nya yang menjadikan bertambah hiba hati saya mendengar-nya.

Saya makin menjadi serba salah hendak menjawab perkataan Pa' Chik Kamal itu, sebab bukan-kah saya telah dipelihara-nya semenjak dari kecil, dipelihara-nya dengan segala kasih sayang-nya, bukan-kah itu berarti saya telah berhutang budi, hutang yang takan dapat di-bayar : kalau berhutang emas walau berapa banyak sekali pun boleh di-bayar tetapi hutang budi tetap di-bawah mati. Oh, sungguh sakit berhutang budi seperti kata pantun :

Burong tekukor di-sawah padi
Terbang hinggap ka-pohon jati
Sakit-lah sungguh berhutang budi
Tidak terbayar hingga ka-mati.

Kěrana saya tidak hěndak měngěchilkan hati bapa saudara-ku itu saya hanya měnjawab dēmikian “Bagini-lah Pa’ Chik, saya minta tangguh sama ada jadi atau tidak-nya pěrjodohan saya děngan ‘Azian ini sa-hingga pěpěrangan tammāt kělak. Masa ini pun nampak-nya Jěpun tělah mula kalah. Saya pěr-chaya ta’běrapa lama lagi pěpěrangan akan tammāt; pada masa itu kělak boleh-lah kita binchangkan sa-mula hal ini. Buat masa sěkarang biarkan-lah saya měněruskan chita, saya di-kampong Temelan ini děngan měnjadi guru kapada pěndudok, di-kampong Temelan ini.” Jawab saya děngan suara yang lě-mah-lěmbut; saya fikir itu-lah sahaja jalan-nya yang saya boleh mėlěpaskan diri daripada pěrmintaan Pa’ Chik Kamal itu.

“Kalau sudah bagitu kěhěndak-mu aku tidak juga hěndak měmaksā, tětapi mari-lah balek ka-Bekok boleh ěngkau těrang-kan sěndiri hal ini kapada ‘Azian supaya hati-nya sěnang, supaya dapat dia měnghilangkan pěnyakit těr měnong-nya yang sangat měnyusahkan hati-ku dan Ma’ Chik-mu” Jawab Pa’ Chik Kamal.

“Saya fikir saya tidak boleh balek ka-Bekok Pa’ Chik, sěbab harus saya akan di-těmui oleh těntěra Jěpun dan di-minta-nya měnjadi pandu untok měnunjokkan kapada-nya těmpat pěr-rompak, měmbunoh saudara, kita orang, Kěmidak itu; kalau bětul těrjadi dēmikian, bukan-kah itu běrěrti měnyusahkan saya juga. Lagi pun saya memang tidak sěkali, redza diri saya di-jadikan pěrkakas oleh těntěra Jěpun, walau pun untok měmbunoh pěrrompak, yang kějān itu” Jawab saya měnchuba měngelakkan diri daripada balek ka-Bekok měněmui ‘Azian.

Pa’ Chik Kamal těr měnong měnděngar jawapan saya, těr-masok juga pada ‘akal-nya akan alasan yang saya běrī itu. Dia sangat kasch akan saya dan ta’ suka diri saya akan kěna susah sapěrti yang saya chěritakan itu.

“Bagini-lah Kamaruddin, mari-lah balek ka-Bekok sa-lama

satu atau dua malam sahaja, sebab aku hendak membuat sedikit khenduri membacha do'a selamat atas keselamatan engkau terlepas daripada bahaya di-Kemidak itu; lepas itu engkau boleh balek ka-Temelan ini, berlindung diri daripada pihak tentera Jepun. Aku pun bimbang juga akan hal keselamatan engkau.....sebab hukum tentera Jepun itu kasar benar, nanti kalau engkau salah, chakap, entah apa, pula di-buat-nya kepada diri engkau" Jawab-nya dengan suara perlahan, sa-olah, merayu supaya menurut kehendak-nya.

Oleh sebab saya ta'dapat mengelak lagi, saya pun kembalilah ka-Bekok bersama, dengan Pa' Chik Kamal pada petang itu. Sa-belum saya meninggalkan kampung Temelan, saya telah menyatakan kepada Batin Riun yang saya akan balek ka-Bekok sa-lama satu atau dua malam sahaja. Lepas itu saya akan kembali diam bersama-nya di-Temelan kerana menjadi guru kepada penduduk, di-situ.

Apabila saya dan Pa' Chik Kamal sampai ka-rumah, saya telah di-sambut oleh Ma' Chik Selamah dan 'Azian dengan ayer mata, kerana sedeh mendengar penderitaan saya dan juga sedeh mendengar kemalangan yang menimpa penduduk, di-kampung Kemidak itu.

BAB VIII

HAL₂ SA-MASA SAYA BĒRADA DI-BEKOK

Bĕrita saya tĕlah sĕlamat kĕmbali ka-Bekok itu ta'dapat hĕndak di-rahsiakan lagi, sĕbab waktu di-tĕngah jalan saya tĕlah bĕrjumpa dĕngan bĕbĕrapa orang tĕrmasok warith₂ orang₂ kampung Kĕmidak yang tĕlah tĕrkorban itu. Mĕreka tĕlah datang mĕngunjongi saya di-rumah Pa' Chik Kamal di-antara-nya ada juga bĕbĕrapa orang mata₂ gĕlap tĕlah datang bĕrjumpa dĕngan saya.

Pada siang esok-nya, datang-lah orang surohan daripada Letnan Yamaguchi pĕmĕrentah tĕntĕra Jĕpun di-Bekok itu mĕ-manggil saya datang ka-tĕmpat kĕdiaman-nya. Apabila mĕ-nĕrima jĕmputan daripada pĕgawai tĕntĕra Jĕpun itu, saya pĕrgi dĕngan tiada sadikit pun bĕrasa gĕntar kĕrana saya tahu saya bĕnar. Lagi pun saya bukan-nya takut kapada tĕntĕra Jĕpun kĕrana kĕjadian di-Kĕmidak itu, sa-bagaimana yang saya katakan kapada Pa'Chik Kamal masa kami bĕrchakap₂ di-Temelan itu: pĕrchakapan saya yang dĕmikian itu hanya hĕndak mĕngelakkan diri saya daripada balek ka-Bekok mĕnurut kĕhĕndak Pa' Chik Kamal.

Apabila sampai ka-rumah-nya Letnan Yamaguchi mĕmbĕri hormat kapada saya dĕngan mĕnguchapkan 'Kunni Chiwa' ĕrti-nya Sĕlamat Pĕtang dan mĕmpĕrsilakan saya dudok. Ada bĕ-bĕrapa minit lama-nya saya dudok, saya tĕlah di-pĕrsilakan pula minum teh oh sĕjok dĕngan bĕbĕrapa biji pisang **ambun**.

Letnan Yamaguchi itu pandai bĕrbahasa Mĕlayu pelat Indonesia. Dia mĕminta saya mĕnchĕritakan hal mala pĕstaka yang tĕlah tĕrjadi di-kampung Kĕmidak; saya pun mĕnchĕritakan-lah hal yang tĕlah tĕrjadi di-sana, sĕbab₂ saya bĕrada di-sana, kĕmudian sampai ka-tĕmpat orang₂ Sakai di-Temelan. Sĕdang saya bĕrchĕrita itu dia mĕngĕluarkan pĕta dacrah tĕmpat bĕr-

laku kejadian itu, sambil menyuruh saya menunjukkan arah, kampung Kēmidak dan kampung Temelan yang saya sebutkan di-dalam chērita saya itu. Sēgala kēhēndak-nya saya turut.

Sa-tēlah habis saya bērchērita itu, dia mēnguchapkan tērima kasch kapada saya dan mēnguchapkan tahni'ah kērana saya bērjaya mēlepaskan diri daripada mala pēstaka itu. Kata-nya "Kalau tidak kērana awak hal ini tidak boleh sampai ka-pēngētahuan tētēra kērajaan Dai Nippon."

Kata-nya lagi "Saya akan hantar tētēra Dai Nippon dan juga bēbērapa orang pulis pērgi mēlihat tēmpat ini dan kalau dapat hēndak bunoh sēmuā pērompak itu. Kalau awak suka pērgi sama boleh juga : saya boleh bēri bēras, rokok **Kooa** dan wang sagu hati."

"Tērima kasch atas tawaran tuan itu, tētapi dukachita saya ta'dapat hēndak mēnērima-nya kērana badan saya bēlum sehat bētul lagi" Jawab saya.

"Bētul chakap awak, lēbh baik awak pērgi bērehat dahulu. Awak ta'payah pērgi-lah. 'Askar, Dai Nippon boleh pērgi sēndiri dēngan bērpandukan pēta ini." Kata Letnan Yamaguchi sambil tangan-nya mēnunjok kapada pēta yang di-hadapan kami itu.

Sa-tēlah saya balek daripada bērjumpa dēngan Letnan Yamaguchi itu, Pa' Chik Kamal tēlah sēdia mēnunggu saya di-rumah kērana dia bimbang akan hal saya di-panggil oleh pēgawai tētēra Jēpun itu. Dia sēgēra bērtanya "Apa yang di-kēhēndaki oleh kētua tētēra Jēpun itu?"

Saya chēritakan kapada-nya bahawa Letnan Yamaguchi mēnyuroh saya bērchērita bērkēnaan dēngan hal di-Kēmidak itu yang tēlah di-kētahui-nya daripada chērita, mulut orang ramai yang mēngatakan orang, di-kampung itu tēlah di-bunoh oleh

pěrompak₂, harta měreka di-rampas, rumah měreka di-bakar. Sěkarang Letnan Yamaguchi hěndak měnghantar 'askar dan pulis untok mēnchari jějak pěrompak₂ itu dan kalau dapat hěndak di-hapuskan těrus daripada muka bumi ini.

Saya chěritakan juga yang pėgawai těntěra Jěpun itu tělah měngajak saya měnjadi pandu untok měnghapuskan pěrompak₂ itu, tětapi saya tělah mēnolak děngan mēmběri alasan badan saya maseh lěteh lagi kěrana baharu lěpas kěna kěmalangan di-Kěmidak itu; dalam pada itu pun bělum-lah tahu lagi, kalau saya kěkal diam di-Bekok ini boleh jadi di-dalam tiga ěmpat hari akan di-panggil-nya lagi dan di-ajak-nya masok ka-hutaņ.

Děngan sěbab mēnděngar chěrita saya itu Pa' Chik Kamal tiada-lah mēnahan saya hěndak balek ka-Temelan sa-bagaimana yang tělah saya janjikan děngan-nya sa-bělum saya běrtolak ka-Bekok itu. Dia mēmikirkan saya lěbeh aman tinggal di-Temelan daripada di-Bekok kěrana jauh daripada 'askar₂ Jěpun itu.

Pada pětang itu sědang saya dudok těr mēnong di-běranda rumah bapa saudara saya Pa' Chik Kamal itu, mēmandang pūnchak gunong Bekok yang hijau biru nun jauh di-hadapan saya.....angin pětang mēnghěmbus nyaman.....saya di-buaikan oleh angin₂ kěhidupan, **khial** těr kěnangkan pėnang-gongan₂ saya sa-masa lari daripada kampong Kěmidak dahulu itu.....maka děngan ta'sēměna₂ kěluar-lah 'Azian daripada bilek-nya, datang mēndapatkan saya dan běrkata "Apa yang abang mēnongkan sa-orang diri di-sini, barangkali maseh ingat lagi kapada kěhidupan di-kaki gunong Bekok.....yang aman bahagia.....tětapi akhir-nya mēnděrita." Dia mēnghabiskan pěrkataannya děngan sadikit sěnyum sa-olah₂ mēmbakar hati saya.

"Susah dan sěnang memang pěrmainan hidup 'Azian, jangan di-pěrsěnda₂kan ni'mat Ilahi, di-mana-kah ada orang yang sěntiasa gěmbira sahaja di-dalam hidup-nya kě-

hidupan yang sa-umpama itu hanya ada di-dalam shurga” Jawab saya.

“Bukan saya hëndak mēnyindir tětapi hanya bērtanya, adakah sēkarang abang hëndak pērgi juga mēninggalkan rumah ini, untok mēnēruskan pērkhidmatan yang bēlum tētentu chorak dan kēmajuan-nya itu?” Tanya-nya pula.

“Mēngapa ēngkau bērkata bagitu ‘Azian, ēngkau sa-olah, sa-orang yang suka mēnjadi pēnghalang kapada kēmajuan. Bukan-kah aku akan bērkhidmat mēmbēri pēlajaran bahasa Mēlayu dan ugama Islam kapada orang, Sakai di-Temelan itu; dēngan itu harus mēreka akan suka mēmēlok ugama Islam dan akan mēnjadi warga nēgara yang bērguna kapada nēgēri ini. Suka-kah ēngkau kalau pēngēmbang, ugama lain datang dahulu mēngēmbangkan ugama-nya kapada pēndudok, Sakai itu, bukan-kah itu bērērti kērugian yang bēsar bagi bangsa dan ugama kita?” Tanya saya pula.

“Jadi abang hëndak pērgi juga, bila hëndak bērtolak?” Dia bērtanya pula.

“Besok pagi, pukul 6½” Jawab saya. Dia tērmēnong sa-bēntar mēndēngar jawapan saya itu; wajah-nya mēmbayangkan sa-olah, pērasaan hati-nya sēdang bēramok dēngan jantung.

“Dahulu, sa-masa abang di-Kēmidak ada saya mēnulis surat kapada abang, mēngapa abang tidak mēnjawab surat itu?” Dia bērtanya pula dēngan gaya hiba.

“Aku ta'bērani hëndak mēnjawab surat itu kērana darjah karangan-nya tērlalu tinggi chukup dēngan sajak-nya, pada hal aku sēndiri bēlum pandai bērsajak; sēbab itu-lah surat itu aku diamkan sahaja.” Jawab saya dēngan mēnchuba mēnikam sadikit sudut hati-nya.

“Mustahil abang ta’pandai bersajak, kerana sajak telah dibawa masuk ka-mari **daripada** Indonesia. Dengan bersatunya Tanah Melayu dengan Sumatëra atau kata Jëpun: Malai — Sumatëra di-bawah satu pentadbiran tëntëra Jëpun, maka satu këmajuan përsuratan kita telah bërTambah lagi ia-itu sajak. Tidak-kah abang suka mëngikuti përkëmbangan itu?” ‘Azian bërkata këmudian dia përgi masuk ka-bilek-nya mëngambil sa-buah mujallah “**Sëmangat Baharu**” këluearan yang paling akhir, këmudian dia bërkata lagi “Lihat-lah bëbërapa buah sajak di-dalam mujallah ini, tidak-kah abang tërtarek kapada-nya?”

Saya mënnyambut mujallah “Sëmangat Baharu” yang di-hulorkan-nya kapada saya; këmudian mëmbacha bëbërapa sajak di-dalam-nya: saya tërtarek kapada satu daripada sajak itu yang di-tulis oleh sa-orang yang mënamakan diri-nya dëngan Kënanga Desa. Bagini-lah bunyi-nya sajak itu:

ZAMAN PËRANG!

Dëntuman mëriam bëlum rëda
 Këlapanan, rintehan, tëtëp ada
 Darah mëngalir di-bumi përsada
 Ta’ada miskin, ta’ada kaya
 Yang ada hanya dërita.....!

Itu manusia, itu binatang
 Ta’ada kulit bërchërai tulang
 Nafsu shaitan tëtëp di-julang.

Hidup hanya pura-pura,
Këluar ka-dalam sama sahaja:
 Kita bërjuang bukan untok kita
 Kita bërserak di-bumi tërchinta
 Mënëmpoh hidup, hina lëta.....:

Oleh: Kënanga Desa.

“Ah, sungguh baik sajak “Zaman Pěrang” ini, mēm-bayangkan kěhidupan orang Mělayu yang běrpěchah-bělah di-bawah pēměrentahan Jěpun ini.” Kata saya sambil mēnunjokkan sajak yang baharu lěpas saya bacha itu kapada ‘Azian.

Dia kělihatan těrsěnyum, tiada běrapa mēnghiraukan saya yang mēnunjokkan mujallah itu kapada-nya. Kěmudian dia běkata “Pandai juga orang desa mēngarang ya, tětapi mēngapa orang yang diam di-kaki gunong ta’suka kapada sajak.”

Saya těrpegun sa-běntar mēnděngar jawapan-nya itu. Saya tělaha dapat mēnangkap tujuan pěkataan-nya itu: boleh jadi “Kěnanga Desa” itu ta’lain ta’bukan ia-lah ‘Azian sěndiri. Kěmudian saya chuba mēninjau hati-nya lěbeh jauh “Nampak-nya Kěnanga Desa ta’boleh di-puji, makin di-puji makin mělěnja. Aku suka kalau dapat běrjumpa děngan Kěnanga Desa itu; boleh aku mēmberi sadikit fikiran kapada-nya běkěnaan děngan mēngarang sajak.”

“Kěnanga Desa ada děkata abang sěkarang, boleh-lah bėri tahu dia bagaimana chara-nya mēngarang sajak yang baik” Jawab ‘Azian mēngěnalkan diri-nya sa-bagai Kěnanga Desa pěnulis sajak “Zaman Pěrang” itu.

“Shabas ‘Azian! Aku ucapkan tahni’ah atas kějayaan ěngkau mēnjadi sa-orang pěngarang prosa dan puisi; daripada surat-mu kapada aku sa-lama ini aku tělaha tahu yang ěngkau memang ada bakat di-dalam mēngarang memang chita, aku sa-lama ini suka hěndak mělěhat ěngkau maju di-dalam medan kěsusastěraan bangsa kita dan sěkarang dari sadikit kasadikit chita, itu tělaha di-sampaikan oleh **Tuhan**. ěngkau sabagai gadis yang těrplajar, yang mēngětahui satu bahasa asing sa-lain daripada bahasa-mu sěndiri lěbeh běrpluang běrjuang di-medan pěsuratan untok mělětakkan taraf bahasa-mu mēnjadi bahasa yang těrķěmuka, kalau tidak pun di-dalam dunia di-dalam tanah ayer-mu sěndiri pun jadi-lah. Jangan bahasa

kita hanya kekal menjadi bahasa “seken klas” di-dalam negara kita sendiri” Jawab saya menguatkan semangat-nya. Dia tersenyum mendengar perkataan saya itu, kemudian berkata “..... Tetapi abang juga boleh menjadi sa-orang pengarang yang baik, abang juga mengerti suatu bahasa asing — bahasa ‘Arab — bahasa al-Qur’an yang di-puja oleh sa-tiap umat Islam. Bukankah lapangan perjuangan abang untuk meninggikan taraf bahasa kita juga luas.”

“Tetapi engkau jangan lupa ‘Azian, bahawa istilah terpelajar di-dalam zaman penjajahan British dahulu.....ia-lah mengerti bahasa Inggeris kalau hanya mengerti bahasa ‘Arab itu Pa’ Lëbai sahaja nama-nya, belum di-kira terpelajar lagi.” Kata saya sa-olah, hendak menggiat diri-nya.

“Tetapi sekarang British ta’ada lagi, British telah lari lintang-pukang di-hentam oleh tentera dari negeri Matahari Terbit” Kata ‘Azian dengan keras suara-nya sa-olah, marah kerana terkena sindiran saya itu.

“Kekuasaan British ta’ada lagi di-tanah ayer kita ini tetapi kebudayaan-nya maseh ada dan tetap akan ada. Penjajahan kebudayaan ini sangat susah hendak di-kikis sebab mereka telah dapat mempengaruhi sa-bahagian besar orang cherdik pandai bangsa kita” Kata saya menjawab perchakapan-nya sa-olah, menunjokkan pintar di-dalam perkara siasah negeri. ‘Azian diam sahaja mendengar perkataan saya itu, lama kemudian baharu dia bertanya lagi. “Bila abang hendak pergi ka-Temelan lagi?”

“Aku ta’pernah membuat bohong ‘Azian, bukan-kah aku dah katakan tadi, besok pagi, aku akan bertolak ka-Temelan.....” Jawab saya.

“Berkenaan dengan surat saya yang di-kirim sa-masa abang berada di-Kemidak itu, bila hendak abang jawab?” Tanya-nya lagi.

“Oh, tĕntang mĕnjawab surat itu jangan ĕngkau susahkan, aku akan mĕnulis surat kapada-mu bila sampai masa-nya yang aku fikirkan mĕnasabah. Aku harap ĕngkau bĕrsabar sahaja-lah mĕnunggu jawapan surat itu” Jawab saya pula sambil bĕrjalan turun ka-halaman rumah kĕrana hĕndak mĕngelakkan daripada bĕrkata, dĕngan ‘Azian lĕbeh lanjut lagi.

Kĕmudian apabila tĕlah sampai ka-halaman saya mĕnĕruskan pula pĕrjalanan saya ka-pĕrhĕntian kĕreta-api yang ta’jauh daripada rumah Pa’ Chik Kamal itu, kĕrana hĕndak mĕlihat kĕreta-api pĕtang yang datang dari Syonan-to (Singapura), yang akan sampai ka-Bekok di-dalam masa kira, 10 minit sahaja lagi.



BAB IX

LAGI PERISTIWA YANG MENYEDHEKAN

(Pëngarang bërchërita)

Pëtang itu lëpas daripada Kamaruddin mëllihat këreta api yang datang dari Singapura di-përhëntian këreta api Bekok itu. dia mënëruskan pëjalanan-nya përgi dudok di-atas jambatan motokar yang ta'bërapa jauh daripada bandar Bekok itu, mëmandang ka-arrah punchak gunong Bekok, maka dëngan tiada sëmëna₂ hati-nya bërasa sëdeh sahaja. Dia tërkënangkan kampung Temelan yang baharu hanya dua hari di-tinggalkan-nya, dia tërkënangkan Batin Riun dan sa-tërus-nya tërkënangkan Si-Kuntum, anak gadis yang baharu këmbang mëkar di-pinggir rimba raya itu.

Si-Kuntum ada-lah sapërti sa-tangkai bunga antoi yang sëdang këmbang, harum bau-nya sëmërbak di-tëngah rimba, tiada siapa yang mëmuja-nya, suchi, bërseh, chantek, wajah-nya bërsëri₂ — chantek dan bërsëri₂, bukan-nya di-buat₂, muka-nya bërchahaya bukan-nya di-buboh bëdak max factor, bibir-nya merah bukan-nya di-buboh lipstick tëtëpi ia-lah kërana badan-nya sehat.

Ya, memang Si-Kuntum chantek, 'ibarat kuntum bunga yang baharu këmbang Si-Kuntum mënjadi hiboran 'alam di-këliling-nya ; dëmikian jua dari sadikit ka-sadikit dia mënjadi pujaan hati Kamaruddin. Sëmënjak Kamaruddin bërtëmu dëngan gadis itu, sëmënjak Kamaruddin mënërima hadiah karangan bunga antoi.....hati-nya tëläh mula tërpaut..... tëtëpi tiada-lah sa-kali₂ di-tunjokkan-nya, kërana dia bër-pëgang tëgoh kapada chita₂-nya hëndak mëmberï pëlajaran kapada pëndudok₂. Sakai di-Temelan itu dan juga kalau dapat hëndak mëngislamkan sëmua sa-kali pëndudok₂ kampung itu. Tëtëpi pada pëtang itu, hati-nya ta'dapat di-tahan₂ lagi, ia sa-olah₂ tërdëngar akan suara Si-Kuntum mënyanyi lagu Lokan

daripada pinggir gunung Bekok itu, dengan sa-buah pantun-nya yang masih di-ingat betul lagi oleh Kamaruddin :

Chuchok lokan, panggang lokan
Lokan terkēpit kētam kēmudi
Daging bukan, saudara bukan
Tuan tersēpit kērana budi.

“Oh, betul aku telah tersēpitu kērana budi” Kata Kamaruddin mēngeloh sa-orang diri “Bagini-lah hal-nya kalau telah termakan budi mējadi kēnangan sa-‘umor hidup, saperti kata pantun :

Tērang bērchahaya bulan pērnama
Pulau Undan nampak-nya rēdup
Budi tuan telah di-tērima
Mējadi kēnangan sa-‘umor hidup.”

Dēmikian-lah kata-nya sa-olah₂ mērayu sa-orang diri. Tetapi walau bagaimana pun Kamaruddin telah mēnētapkan hati-nya tidak akan mudah di-pesongkan daripada chita₂-nya. Dia mēmohon kepada Allah mudah-mudahan Allah akan makbulkan chita₂-nya yang baik itu.

Sēdang Kamaruddin di-lambong oleh pērasaan **khial-nya** sa-orang diri itu, tiba₂ kēdēngaran-lah suara azan dari masjid di-pinggir bandar Bekok, rupa₂-nya waktu maghrib telah tiba. Dia terkochoh₂ balek kērana akan mēnyēmpurnakan sēruan Ilahi..... !

Pagi besok-nya lēbeh kurang pukul 7.30, sa-telah bērsalaman dengan bapa saudara-nya Enche’ Kamal dan di-hantari dengan mata oleh mak saudara-nya Che’ Sēlamah dan adek-nya ‘Azian, Kamaruddin pun bērtolak-lah balek ka-Temelan. Sa-telah sa-

minggu Kamaruddin berada di-Temelan dia telah membuat suatu khidmat yang besar sa-kali sa-lama hidup-nya ia-itu 12 orang daripada penduduk₂ Sakai di-Temelan itu telah memelok agama Islam dengan di-dahului oleh Batin Riun dan anak-nya Si-Kuntum. Hal ini telah pun di-nyatakan oleh Kamaruddin kepada pihak yang berkuasa agama di-daerah itu dengan perantaraan surat dan ketua agama Islam di-daerah itu telah pun menjawab surat Kamaruddin dengan menyatakan dia dan sa-orang berdua lagi orang₂ daripada Jabatan Agama akan melawat kampong Temelan dan akan memberi bantuan kepada Kamaruddin untuk meneruskan chita₂-nya yang mulia mengislamkan penduduk₂ Sakai itu.

Bagitu-lah hal-nya Kamaruddin berjuang meneruskan chita₂-nya dengan mengajar dan mengislamkan penduduk₂ Sakai di-kampong Temelan itu, sa-hingga di-dalam masa lebih kurang 2 bulan dia berada di-Temelan telah hampir 30 orang Sakai di-kampong itu yang telah di-islamkannya.

Tersebut-lah kesah Letnan Yamaguchi yang telah menyatakan kepada Kamaruddin hendak menghantar 'askar₂ dan pulis kerana menghapuskan perompak₂ di-Kemidak itu 'askar₂ dan pulis yang di-perintahkannya oleh Letnan Yamaguchi supaya pergi ka-Kemidak, telah sampai di-kampong itu tetapi tiada berjumpa dengan perompak₂ itu. Pulas di-chari oleh mereka di-dalam rimba itu tiada juga berjumpa; tetapi di-dalam perjalanan balek mereka telah di-serang hendap oleh perompak₂ itu. Ramai di-antara 'askar₂ Jepun dan pulis yang mati; dengan sebab itu Letnan Yamaguchi sangat marah, dia pun ber'azam terus hendak menghapuskan perompak₂ itu dengan memerintahkan 'askar₂-nya bekerja keras siang dan malam supaya dapat mereka menuntut bela atas kematian rakan₂-nya itu.

Dengan sebab mereka dapat membunuh 'askar₂ Jepun, perompak₂ itu makin mengganas. Pada suatu hari 10 orang

daripada mereka telah datang ka-kampung Temelan dan meminta supaya orang Sakai itu memberi barang, makanan dan ayam itek.

Oleh sebab orang kampung itu takut akan perompak yang bersenjata itu, maka di-turut sahaja-lah oleh mereka segala kehendak-nya. Batin Riun bertanya faham kepada Kamaruddin, apa-kah jalan-nya yang patut di-buat jika datang lagi perompak itu memaksa penduduk kampung itu memberi mereka barang, makanan. "Saya fikir elok kita meminta bantuan 'askar Jepun" Batin Riun menyudahkan kata-nya kepada Kamaruddin.

"Ta'ada guna Batin; sebab ada perompak di-dalam hutan ini ia-lah kerana 'askar Jepun menduduki negeri ini mereka pun lebih kurang sama juga dengan perompak. Saya fikir lebih baik kita pertahankan kampung ini dengan tenaga kita semua yang ada ini. Lagi pun jika minta bantuan Jepun sudah tentu perompak itu makin bertambah ganas lagi sebab mereka benchi melihat kita bershubat dengan tentera Jepun itu, sampai bila pun kita ta'boleh aman tinggal di-sini" Jawab Kamaruddin.

"Kalau mereka hanya sa-takat 10 orang sahaja ta'mengapa Che' Kamaruddin, tetapi kalau mereka datang lebih ramai lagi bagaimana kita hendak melawan-nya?" Tanya Batin Riun pula.

Kamaruddin termenong mendengar pertanyaan Batin Riun itu; puas dia berfikir untuk menchari jalan hendak mempertahankan kampung itu daripada serangan perompak.

"Oh, bagini-lah Che' Kamaruddin" Kata Batin Riun lagi, "Saya ada satu akal ia-itu kita senjatai orang kita tiap sa-orang dengan sa-batang Temiang (buloh sumpitan). Rachun damak yang paling bisa bagi buloh sumpitan itu boleh saya buat" Kata-nya lagi.

“Měngapa batin sěndiri hěndak měmbuat rachun itu, tidak-kah boleh di-ajar sahaja kapada pěndudok, kampong ini supaya měreka sěmua tahu měmbuat-nya” Jawab saya.

“Chara měmbuat rachun damak ini patut kita rahasiakan, supaya tidak di-kětahui oleh pěrompak, itu; kalau tidak nanti akan di-gunakan pula oleh měreka rachun itu kěrana měmbunoh kita. Untok pěngětahuan awak Che’ Kamaruddin, chara hěndak měmbuat rachun damak buloh sumpitan yang paling bisa ini ialah bagini: ambil gětah akar pokok ipoh di-champor děngan gětah kayu běrěngit, kěmudian di-tambah děngan sadikit, lagi ramuan-nya. Rachun damak yang sapěrti ini kalau kěna hari-mau, hanya harimau itu sěmpat běrjalan dua tiga rantai sahaja kěmudian muntah lalu mati; kalau kěna orang pun něschaya akan mati di-situ juga. Bila kita tělah siapkan orang, kita děngan sěnjata ini, kita tětapkan těmpat měreka běrkawal jika běrlaku sa-barang kěgěmparan” Batin Riun měnammatkan pěrchakapan-nya.

“Bagus chadangan batin itu, saya fikir kita jangan běrtanggoh lagi, kita městi jalankan ranchangan ini děngan sěgěra kěrana musoh sudah ada di-sakěliling pinggang kita” Ujar Kamaruddin pula.

Lěpas daripada Batin Riun běruding děngan Kamaruddin itu, dia pun měngumpulkan orang, Sakai yang ada di-kampong Temelan itu sěrta měmběritahu akan ranchangan pěrtahanan kampong itu. Pada malam itu tělah di-mulakan běrjaga, kěrana měmpěrtahankan diri daripada pěrompak, itu.

Pada suatu pětang lěbeh kurang sa-minggu lama-nya lěpas daripada tarikh orang, Sakai itu běrkawal, maka datang-lah lagi pěrompak, itu sa-ramai 10 orang juga, měminta barang, makanan sapěrti ubi kayu, kěledek, tělör, ayam, itek dan lain-nya.

Batin Riun telah memberi isyarat kepada orang₂ Sakai itu supaya bersabar dan menurutkan sahaja kehendak perompak₂ itu; tetapi bila perompak₂ itu mula berjalan hendak meninggalkan kampung Temelan itu balek ka-tempat persembunyian mereka di-dalam hutan, mereka itu telah terpandang akan beberapa orang gadis Sakai di-kampung itu yang baharu sahaja balek dari mandi di-sungai.

Gadis₂ itu sa-benar-nya tidak sedar akan kedatangan perompak₂ itu dan tidak sempat hendak bersembunyi lagi. Di-antara gadis₂ yang baharu balek daripada mandi itu terdapat jua Si-Kuntum, gadis chantek dari kaki gunung Bekok yang menjadi pujaan hati Kamaruddin.....

Apabila perompak₂ itu terpandang akan Si-Kuntum, sa-orang daripada-nya ya'ani yang menjadi ketua kumpulan itu telah datang mendapatkan Batin Riun lalu berkata "Hai orang tua, saya mahu bawa ini perempuan ka-tempat saya, kerana ketua besar saya ta'ada isteri. Nanti dia boleh kahwin dengan perempuan ini" Kata perompak itu sambil tangan-nya menunjok kepada Si-Kuntum.

"Ini anak saya awak ta'boleh bawa dia, saya ta'ada anak yang lain lagi. Ini-lah sahaja sa-orang anak saya" Jawab Batin Riun dengan terketar₂ kerana terkéjut melihat kejadian itu.

"Awak berani menolak kemahuan kami? Nanti kami bunoh semua orang di-sini seperti orang₂ di-Kemidak, yang telah kami bunoh dan bakar rumah₂ mereka" Jawab perompak itu sambil memerentahkan orang₂-nya membawa anak gadis itu pergi

"Hai tuan, tolong-lah jangan bawa anak saya. Lebih baik awak bunoh sahaja-lah saya daripada awak bawa anak saya ini" Kata Batin Riun, kepada ketua perompak itu meminta supaya di-kasehani.

Mēndēngar pērkataan Batin Riun, pērompak itu pun mē-nēngkeng, “Apa awak chakap, awak patut tahu bahawa tiada siapa yang dapat mēnahan kēmahuan kami” Kata-nya lagi, sambil mēmērentahkan kawan₂-nya mēmbawa tērus akan Si-Kuntum dēngan sa-kētika itu juga kēdēngaran-lah jērit, lolong Si-Kuntum kērana di-ikat dan di-heret oleh pērompak₂ itu.

Mēlihat kējadian itu maka hilang-lah kēsabaran Batin Riun, dēngan sa-chēpat kilat dia mēnchabut parang-nya yang memang sēdia tērsisip di-pinggang-nya, lalu di-parangkan-nya kapada kētua pērompak yang memang bērhampiran dēngan-nya itu, hampir putus dua badan kētua pērompak itu lalu mati.

Apabila kawan₂ pērompak itu mēlihat kētua mēreka tēlah mati, mēreka pun mēnembak Batin Riun dēngan sēnapang mēreka ; kasehan ! orang tua itu rēbah ka-tanah lalu mēnghēmbuskan nafas-nya yang akhir. Inna lilla hiwainna ilai hiraji'un !

Kamaruddin dēngan bēbērapa orang Sakai yang sējak tadi bērsēmbunyi kērana mēlihat pērompak₂ itu datang, tēlah mēmērentahkan orang₂ Sakai itu mēnggunakan sēnjata mēreka buloh sumpitan; dalam sa-bēntar itu juga bēbērapa orang daripada pērompak₂ itu tēlah rēbah ka-bumi kērana bisa kēna anak damak orang₂ Sakai itu.

Sa-bēnar-nya mēngikut pērjanjian asal-nya kuasa mēmērentahkan orang₂ Sakai itu mēnggunakan buloh sumpitan itu ia-lah di-tangan Batin Riun tētapi Batin Riun tiada mēnggunakan kuasa-nya itu, harus barangkali ia tērlupa kērana tērkējut mēlihat anak-nya di-tangkap oleh pērompak₂ itu.

Mēski pun bēbērapa orang daripada mēreka tēlah mati kērana kēna sumpitan, baki pērompak₂ yang hidup itu tērus juga mēnyeret Si-Kuntum ka-dalam hutan. Dēngan sēbab itu Kamaruddin mēlompat mēmēchah langkah, mēnghambat pērompak₂

yang mēlarikan Si-Kuntum lalu mēmanchong kēpala sa-orang daripada pērompak dēngan parang-nya yang memang sēdia di-tangan-nya. Sa-orang daripada pērompak₂ itu tēlah mati tētapi sa-orang daripada pērompak yang ada di-sabēlah hadapan tēlah sēmpat mēnembak; tembakan-nya yang pērtama tēpat kēna ka-dada Si-Kuntum, maka rēbah-lah gadis itu ka-tanah lalu mēnghēmbuskan nafas-nya yang akhir. Kēmudian pērompak itu mēnembak lagi, pada kali ini pēluru sēnapang-nya tēlah mēngēnai pangkal paha Kamaruddin, lalu Kamaruddin pun rēbah ka-bumi, mēndērita kēsakitan di-sisi mayat Si-Kuntum.

Oleh sēbab mēndēngar tembakan daripada kampung Temelan itu maka bērpuloh₂ orang lagi kawan₂ pērompak itu tēlah datang dari dalam hutan itu kērana hēndak mēmbēri bantuan kapada kawan₂-nya. Rupa₂-nya kawan₂ pērompak itu memang ramai lagi. Mēreka mēnunggu di-pinggir kampung Temelan itu kērana kawan₂-nya yang sa-puloh orang itu pērgi mēnchari barang₂ makanan

Oleh sēbab kēdatangan pērompak₂ itu hampir 50 orang, chukup dēngan alat sēnjata-nya, jadi dapat-lah di-tawan oleh mēreka kampung Temelan di-dalam masa bēbērapa minit sahaja. Orang₂ Sakai itu tiada dapat mēlawan lagi. Sēmua orang laki₂ dan pērēmpuan Sakai itu tēlah di-ikat oleh pērompak₂ itu kērana hēndak di-bunoh oleh mēreka, sēbab hēndak mēmbalas bela atas kēmatian bēbērapa orang rakan mēreka yang tēlah kēna parang Batin Riun dan Kamaruddin dan juga kēna sumpit dēngan buloh sumpitan orang₂ Sakai itu.


Maka dēngan takdir Allah Subhanahu wata'ala, di-dalam sa-kētika itu jua bērbunyi-lah tembakan bēbērapa buah meshengan sapērti bērteh di-goreng layak-nya, mēnuju kapada kumpulan pērompak₂ itu. Di-dalam tembakan pērmulaan itu sahaja bēbērapa orang daripada pērompak₂ itu tēlah mati dēngan sērta-mērta. Baki pērompak₂ yang masch hidup itu pun lari-lah susup-sasap mēmbawa sēnjata-nya, tētapi kampung Temelan tēlah

kēna kēpong. Ta'ada lagi jalan lari bagi pērompak₂ itu. Rupa₂-nya 'askar Jēpun yang di-kētuai oleh Letnan Yamaguchi sēndiri yang sa-lama ini tēlah bērusaha mēnchari kumpulan pērompak₂ itu, pada pētang itu tēlah mēnghampiri kampong Temelan, kēmudian mēreka tērdēngar bunyi bēbērapa tembakan sēnapang di-kampong Temelan itu.

Letnan Yamaguchi bērasa shak kēmudian dēngan sērta-mērta dia mēmbuka pēta mēlihat kēadaan kampong itu dan mēmērentahkan orang₂-nya mēngēpong kampong itu. Bagitu-lah hal-nya dēngan pantas dan bijak-nya Letnan Yamaguchi maka tērkēpong-lah kampong Temelan dan pērompak₂ yang ada di-dalam-nya tiada-lah lēpas lari lagi. Sēmua-nya habis di-bunoh oleh 'askar₂ Jēpun, tiada sa-orang pun daripada-nya yang tinggal kērana memang tēlah tērkēnal 'adat 'askar pēndudukan Jēpun itu memang tiada pērnah mēmbēri ma'af kapada orang jahat.

Sa-tēlah rēda bunyi tembakan itu, maka Letnan Yamaguchi tēlah mēmērentahkan orang₂-nya mēlēpaskan orang₂ Sakai yang tēlah di-ikat oleh pērompak₂ itu. Dua orang daripada orang₂ Sakai itu ia-itu sa-orang laki₂ dan sa-orang pērēmpuan tēlah mati kērana kēna pēluru sēsāt, ēntahkan pēluru daripada 'askar Jēpun, ēntahkan pēluru sēnapang pērompak₂ itu mēnembak masa mēreka hēndak mēnyēlamatkan diri mēreka, tiada-lah di-kētahui.

Kēmudian Letnan Yamaguchi sēgēra mēmēreksa orang₂ yang luka itu, di-dapati-nya Kamaruddin tēlah pengsan sēbab luka kēna pēluru pērompak itu. Letnan Yamaguchi tēlah kēnal akan Kamaruddin sēbab mēreka tēlah pērnah bērjumpa dahulu. Dia dēngan sēgēra mēmērentahkan orang₂-nya mēmbēri pēr-tolongan chēmas kapada Kamaruddin, kēmudian mēmērentahkan pula orang₂-nya supaya mēmbawa Kamaruddin ka-hospital tēntēra Jēpun di-Kēluang kērana di-Bekok ta'ada tēmpat pērubatan yang chukup alatan-nya.



.....mēmērentah orang-nya mēmbēri pērtolongan chēmus kapada Kamaruddin.....

Orang₂ Sakai yang mati itu telah di-pěrentahkan oleh Letnan Yamaguchi supaya di-bawa ka-Bekok untok di-kěbumikan di-tanah pěrkuboran orang₂ Islam di-sana, sěbab Letnan itu telah měnyiasat daripada orang₂ Sakai yang ada itu měngatakan sěmua orang₂ Sakai yang telah měninggal dunia itu telah mě-mělok ugama Islam.

Děmikian-lah hal-nya mayat Batin Riun, Si-Kuntum dan dua orang Sakai Islam lagi telah di-kěbumikan di-tanah pěrkuboran orang₂ Islam di-Bekok itu.

BAB X

PĒNUTUP

Lima hari sudah Kamaruddin bĕrada di-rumah sakit tĕntĕra Jĕpun di-Kĕluang, tiada siapa pun yang dapat datang mĕnzia-rahi-nya sĕbab tiada dapat kĕbĕnaran daripada pehak yang bĕr-kuasa tĕntĕra di-tĕmpat itu. Chuma Enche' Kamal mĕndapat khabar daripada Letnan Yamaguchi sahaja mĕngatakan bahawa Kamaruddin tĕlah sĕdar daripada pengsan-nya sa-tĕlah lĕbeh kurang dua jam dia di-rawat di-rumah sakit itu.

Pada sa-bĕlah pĕtang hari yang kĕlima Kamaruddin bĕrada di-rumah sakit tĕntĕra di-Kĕluang itu maka datang-lah dua puchok surat ka-rumah Enche' Kamal di-Bekok yang sĕdang bĕrada di-dalam suasana muram itu. Sa-puchok daripada surat itu bĕr'alamat kapada Enche' Kamal dan sa-puchok bĕr'alamat kapada 'Azian. Surat₂ itu ia-lah datang-nya daripada Kama-ruddin.

Surat kapada Enche' Kamal itu pendek sahaja mĕnchĕritakan diri-nya sĕkarang tĕlah mulai bĕransor sehat tĕtapi pĕluru yang masok ka-dalam pangkal paha-nya maseh bĕlum dapat di-kĕ-luarkan, tĕtapi jangan pula mĕnaroh bimbang, kĕadaan-nya bĕransor kurang dari sa-hari ka-sahari.

Surat-nya kapada 'Azian itu panjang sadikit, dĕmikian-lah bunyi-nya :

Kapada Adinda-ku 'Azian Kamal
Bekok, Kĕluang Johor.
Dĕngan kĕsĕjahtĕraan-nya.

Adinda,

Lama sudah kakanda tiada mĕnulis surat kapada adinda, maka sĕkarang di-dalam masa badan-ku kurang sehat.....

di-dalam masa tangan-ku maseh tĕrkĕtar₂.....ku-tulis-tulis jua surat ini, supaya jangan sampai tĕrlalu lama aku tiada mĕnulis surat kapada-mu, sĕbab mana tahu 'umor di-tangan Tuhan, ĕntahkan besok, ĕntahkan lusa kita tĕrus bĕrchĕrai tatkala itu alang-kah mĕnyĕsal-nya kakanda ta'dapat mĕninggalkan pĕsan barang sa-patah dua yang mudah-mudahan dapat ia mĕnjadi panduan hidup-mu di-maya pada ini.

Marah-kah ĕngkau wahai adek-ku 'Azian yang aku sa-lama ini tiada mĕnjawab surat-mu? Kĕchil-kah hati-mu jika aku sa-lama ini hanya mĕndiamkan sahaja harapan hati-mu kapada aku? Ah, sayang-nya adek, ĕngkau mĕnyĕmaikan bĕneh chinta bukan-nya di-tanah yang subur, dĕngan sĕbab itu kĕchewa-lah harapan-mu. Aku mĕngĕrti bahawa harapan-mu kapada aku suchi tĕtapi biar-lah ku-katakan dĕngan tĕrus-tĕrang bahawa sĕgala harapan-mu itu ta'dapat ku-tunaikan.

Bagaimana-kah aku akan mĕnunaikan harapan-mu itu jika sa-bĕnar-nya aku tidak chinta kapada-mu chinta-ku kapada-mu sapĕrti yang tĕlah ku-bayangkan kapada-mu dahulu ia-lah chinta saudara tidak lĕbeh dari itu.

Jika kita bĕrkahwin dapat-kah kita bĕrbahagia adek, pada hal haluan kita tidak sama? Saya ka-timor, ĕngkau ka-barat dan jika di-dalam pĕrkahwinan itu kita di-bĕri Tuhan anak, dapat-kah anak itu tĕrdidek dĕngan baik oleh rumah tangga yang tidak bĕrbahagia? Jika tidak boleh, bukan-kah itu bĕrĕrti kita akan mĕmbanyakkan lagi umat yang tidak bĕrbahagia di-dalam dunia ini?

Di-dalam mĕmpĕrkatakan so'al chinta biar-lah ku-katakan dĕngan tĕrus-tĕrang kapada-mu ia-itu di-dalam hidup-ku ini aku tĕlah jatuh chinta kapada Si-Kuntum gadis Sakai yang tĕlah mĕninggal dunia di-tembak oleh pĕrompak bĕbĕrapa hari yang lalu! Jangan ĕngkau tĕrtawakan aku dekitu-lah dia anugĕrah Tuhan kapada aku. Di-anugĕrahkan-nya aku

běrbahagia mēnēruskan bakti-ku di-sana itu-lah dia pēngērtian chinta dek, ta'mēmoleh tēmpat, ta'mēmoleh warna.....; sēbab aku tēlah mēndapat ni'mat chinta maka bērbahagia-lah aku di-sana. Tētapi jangan ēngkau sangka darjah chinta-ku rēndah mutu-nya dek, bēlum pērnah ku-nyatakan chinta-ku kapada Si-Kuntum sa-masa hidup-nya, sēbab aku tahu sa-lain chinta maka kēwajiban-ku yang lēbeh utama ia-lah mēnjadi guru di-kampong itu. Maka tanggungan sa-saorang yang mēnjadi guru itu sangat-lah bērat-nya, mēnjadi chontoh tauladan kapada orang lain. Dēngan sēbab itu chinta-ku itu hanya ku-bēnamkan sahaja di-dalam hati-ku, kērana pada hemat-ku di-antara chinta dēngan bērbakti maka bērbakti itu-lah yang mēsti di-utamakan lēbeh dahulu, sapērti kata pantun :

Pulau Undan nampak-nya rēdup
Ombak mērēsa ka-Tanjong Jati
Sakit-nya badan mēnēmpoh hidup
Hidup mēmaksa kita bērbakti.

Ombak mērēsa ka-Tanjong Jati
Bērgulong, mēmbawa chahaya
Hidup mēmaksa kita bērbakti
Tolong-mēnolong sa-sama manusia.

Ya! Hidup ini memang sakit adek, sēbab itu aku harap bēnar, kapada-mu supaya bērtabah hati mēnēmpoh dugaan jangan-lah ēngkau turut jējak-ku jika aku hilang daripada dunia yang fana' ini pērgi ka-dunia yang baqa'. Bangsa kita bērkēhēndakkan ramai lagi putēra putēri-nya yang tērpēlajar supaya mēnēruskan dērma bakti-nya di-masa yang akan datang. Lagi sa-kali pēsān-ku, jika bēnar ēngkau chinta kapada aku, jangan-lah ēngkau turut jējak-ku kuatkan sēmangat-mu mēnēmpoh hidup ini, bērikan-lah jasa kapada ibu

pertiwi-mu kerana jika ramai putera puteri Melayu yang putus harap maka akan lemah-lah tenaga bangsa kita, akan tenggelam-lah bangsa kita di-tanah ayer kita sendiri di-masa yang akan datang.

Jangan engkau sangka aku menyesal adek, maka aku menulis surat merayu, kepada-mu ini, tidak sa-kali; aku telah terhédéra di-dalam perjuangan-ku kerana berbakti kepada bangsa, ugama dan tanah ayer. Erti-nya kalau aku mati, sama juga seperti aku mati di-medan hadapan di-dalam peperangan mempertahankan tanah ayer kita daripada serangan musuh. Chuma satu harapan-ku, jika aku mati tanamkan-lah pohon, bunga antoi di-sisi kubor-ku, kerana ia bunga asli dari rimba raya negara kita yang selalu memberi hiburan hati-ku sa-masa hayat-ku.

Sa-telah sudah aku meninggalkan pesan kepada-mu ini, rasa-nya akan senang-lah aku hendak menutup mata-ku kerana beberapa perkara telah selesai. Perompak, di-dalam kawasan hutan di-Bekok itu pun telah dapat di-hapuskan yang berarti hutang darah di-Kemidak telah dibayar. Orang, Sakai di-Temelan pun telah hampir sa-paroh yang memelok ugama Islam.

Hal ini ku-serahkan-lah kepada orang, yang tinggal untuk meneruskan-nya mudah-mudahan perjuangan-ku itu tiada-lah hanya tertinggal sa-takat itu sahaja, supaya bersinar-lah cahaya Islam di-tanah ayer kita yang di-chintai ini pada masa hadapan.

Terima-lah salam-ku yang boleh jadi salam ini ia-lah salam yang penghabisan dan ma'afkan-lah segala kesalahan-ku kepada-mu jika ada.

Kamaruddin Elias

Hospital Tentera Kluang,
.....1945.

Demikian-lah bunyi-nya surat Kamaruddin itu. Hati 'Azian sangat sayu membaca surat itu, ayer mata-nya turun mengalir membasahi pipi-nya.

Sa-telah sudah dia membaca surat itu, maka di-dalam sa-ketika itu jua di-lihat-nya sa-buah lori tentera Jepun berhenti di-hadapan rumah-nya. Wahai, rupa-nya lori itu membawa mayat Kamaruddin daripada Keluang kerana dia telah meninggal dunia pada petang itu di-sebabkan oleh peluru yang telah masuk ka-dalam pangkal paha-nya itu ta'dapat di-keluarkan sedang bisa-nya makin bertambah.

Kedatangan mayat Kamaruddin itu di-sambut dengan ayer mata oleh sa-isi rumah kerana tiada di-sangka oleh mereka boleh terjadi yang demikian. Maka di-dalam sa-saat itu jua heboh-lah jiran dan saudara-mara Enche' Kamal datang menolong kerana hendak mengkebumikan mayat itu pada petang itu jua.

Demikian-lah hal-nya banyak nyawa yang telah terkorban kerana Si-Kuntum ! Batin Riun mati di-tangan perompak kerana membela anak-nya Si-Kuntum, Kamaruddin meninggal dunia dengan sebab luka kena tembakan perompak itu masa hendak menyelamatkan Si-Kuntum dan lebih kurang 50 orang perompak mati di-tangan tentera Jepun dengan sebab Si-Kuntum jua kerana jikalau tidak di-sebabkan oleh Si-Kuntum tentu-lah tidak jadi tembak-menembak pada petang itu dan Si-Kuntum sendiri telah menjadi korban keganasan perompak itu pula..... !

Beberapa hari lepas daripada mayat Kamaruddin di-kebumikan di-tingkap rumah Enche' Kamal di-Bekok, kelihatan-lah sa-orang gadis termenong, memandang ka-punchak gunung Bekok yang hijau biru nun jauh di-hadapan-nya, yang sa-kali punchak gunung itu di-lindongi oleh kabus petang sedih betul rupa-nya gadis itu kemudian terdengar ia mengucap menyebut nama Allah, baharu-lah tenang sedikit

hati-nya. Lěpas itu di-bawa-nya kaki-nya mělangkah děngan di-tangan-nya ada měmbawa bėbėrapa batang anak pokok bunga antoi, kėrana akan di-tanam-nya di-sisi kubor Kamaruddin, kėrana měnyěmpurnakan pėrmintaan Kamaruddin di-dalam surat-nya yang tėrakhir itu.

Sa-tělah di-tanam-nya bunga antoi itu di-siram-nya děngan ayer supaya subur tumbuh-nya bunga itu, lěpas itu dia pun bėr-sha'er pėrlahan :

Ini antoi tělah ku-tanam
Tanda chinta sudah tėrbėnam
Harapan hati tělah jahannam
Ka-dalam lėmbah jatoh tėrjunam.

Nasihat-mu tėtap aku turuti
Tělah ku-simpan di-dalam hati
Hěndak měnjadi putėri sėjati
Sa-'umor hidup měmbuat bakti.

Biar pun hidup bėrdukachita
Ku-lalui juga děngan bėrchinta
Suratan takdir tělah tėrchipta
Di-'alam luas beta **tėrlunta.**

T A M M A T



Kerana SI.KUNTUM

oleh

MUHAMMAD KIDIN

PENERBIT:

SINARAN BROS.
LIMITED.